



# SELANGOR

PERCUMA 12 - 18 April 2018, 24 Rejab - 2 Syaaban 1439

www.selangorkini.my Media\_Selangor

selangortv.my MediaSelangor



**PILIHANRAYA  
UMUM 9 MEI**

MUKA 2

**BACA AKHBAR  
KELUAR VIDEO**

MUKA 3

**KERJASAMA  
NORTHPORT-BELGIUM**

MUKA 6

MEDIA SELANGOR KINI MENERBITKAN EDISI KHAS SELANGORKINI PEDULI BERMULA 2 APRIL 2018 YANG DIEDARKAN SETIAP SELASA



# KEGEMILANGAN SELANGOR MASA DEPAN MALAYSIA

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Kepimpinan ditunjukkan Pakatan Harapan (PAKATAN) dalam menghargai peranan perkhidmatan awam di Selangor wajar dijadikan contoh.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hal itu kerana pimpinan Kerajaan Negeri sebelum ini bekerja dan berganding bahu dengan pegawai serta anggota perkhidmatan awam.

Katanya, pimpinan juga secara tekun mendengar nasihat dan pandangan pegawai kerana maklum balas itu penting dalam membuat keputusan.

"Kita secara tuntas menzahirkan penghargaan kepada pegawai kerajaan termasuk memberikan insentif kewangan yang adil berdasarkan prestasi dan merit.

"Kita juga memberdaya pega-

wai kerajaan kerana keyakinan terhadap kemahiran, kewibawaan serta rasa tanggungjawab dan bersedia untuk berkorban bagi negeri juga rakyat.

"Mengapa perlu Putrajaya membazir ratusan juta ringgit untuk mendapat nasihat konsultan asing yang tidak menjiwai aspirasi rakyat Malaysia. Kenapa tidak memanggil pegawai kerajaan?"

"Sedangkan kita mempunyai pegawai yang berwibawa dan kompetensi membangunkan negara," katanya ketika Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemer-

lang 2017 dan Anugerah Jasamu Dikenang 2018, di Dewan Jubli Perak, SUK, pada 11 April lalu.

Mohamed Azmin turut yakin dan percaya, kejayaan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri yang peduli rakyat adalah hasil kesatuan antara eksekutif dan penjawat awam.

Beliau berkata, pihaknya juga tidak mena-

bur janji menjelang pilihan raya, malahan tidak menghimpunkan pegawai kerajaan untuk menabur pelbagai bentuk janji dan insentif menjelang Pilihan Raya Umum ke-14.

"Kita mempunyai *wahdatul fikr* dan *wahdatul amal*, kesatuan fikiran serta amal untuk meringkaskan satu muafakat cukup utuh bagi melaksanakan yang terbaik untuk rakyat.

"Saya yakin bahawa pegawai dan anggota perkhidmatan awam akan terus melakar kecemerlangan dalam perkhidmatan untuk terus membangunkan Selangor sebagai sebuah negeri yang unggul serta gemilang. Kegemilangan Selangor adalah masa depan Malaysia," katanya.



tehtARiq



Imbas kod QR ini untuk muat turun aplikasi tehtARiq




1



Muat turun tehtARiq dari apps store

2



Imbas imej dengan ikon ini

3



Tonton Klik TV Selangor



Muat turun dan scan dengan tehtARiq

Badal Haji 1439H  
Sijil & Cenderahai

بنتواہینہا مینجادی تہتامہ اللہ

# UMRAH

APRIL | RAMADHAN | OKT | NOV | DIS

03 - 6178 7055 012 - 330 3006



Bawa Keratan Ini Untuk DISKAUN Pakej Umrah 2018

Terakhlak Pada Terma & Syarat



COMPANY NO: 1001408 - K / KPK / LN: 6823 (LKU)  
MOF: K22154748651360785

NO. 3 - 2F PINGGIRAN MUTIARA UTAMA, TAMAN MUTIARA GOMBAK, 53100 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

03 - 6178 7055 012 - 330 3006

sgtravel2u

www.sgtravel2u.com.my



Pilihan Raya Umum ke-14

# Selangor catat jumlah pengundi tertinggi



OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Selangor merekodkan jumlah pemilih berdaftar paling tinggi, iaitu 2,415,074 layak mengundi, pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang bakal diadakan 9 Mei ini.

Menurut statistik Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diwartakan, 2,388,614 pengundi adalah pemilih biasa, pengundi awal tentera, polis dan

pasangan (25,462) serta pengundi tidak hadir luar negara (998).

Selangor turut mencatatkan 573,817 atau 23.76 peratus pengundi berusia antara 30 hingga 39 tahun, berbanding negeri lain.

Diikuti, 523,640 (21.68%) berusia 40 hingga 49, 460,489 (19.07%) bagi usia 50 hingga 59 tahun dan 419,862 (17.39%) berusia 21 hingga 29 tahun.

Negeri kedua yang mempunyai jum-

lah pemilih berdaftar paling tinggi ialah Johor dengan 1,817,999 orang, Perak (1,510,864), Sarawak (1,220,960) dan Kedah (1,146,492).

Negeri dengan jumlah pengundi paling rendah ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan 27,306, manakala Wilayah Persekutuan Labuan (28,356) dan Perlis (150,221).

Daftar pemilih suku keempat 2017 yang menyenaraikan 14,940,624 pe-

ngundi digunakan pada PRU14 membabitkan 7,557,187 pengundi wanita (50.58 peratus) dan 7,383,437 pengundi lelaki (49.42 peratus).



Mohd Hashim (tengah) memegang writ PRU14 dalam sidang media, di Menara SPR

## Buang undi 9 Mei

**PUTRAJAYA** - Teka-teki berhubung tarikh Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) terjawab apabila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan ia akan diadakan, pada 9 Mei ini.

Pengundian awal ditetapkan, pada 5 Mei ini.

Selain itu, hari penamaan calon pula ditetapkan, pada 28 April ini.

Manakala tempoh berkempen ditetapkan selama 11 hari bermula pada hari penamaan calon sehingga jam 11.59 malam, pada 8 Mei ini.

Ia diumumkan Pengerusi SPR, Tan Sri Mohd Hashim Abdullah, di bilik mesyuarat utama Menara SPR, pada 10 April lalu.

Pada masa sama, Mohd Hashim berkata, 14,940,624 juta rakyat Malaysia layak mengundi kali ini.

Manakala, PRU pada kali ini membabitkan 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri.

## Majikan halang pekerja mengundi didenda

**PUTRAJAYA** - Pejabat Perdana Menteri mengisytiharkan hari mengundi pada 9 Mei ini sebagai hari kelepasan am tambahan, seluruh negara.

"Ia bagi membolehkan rakyat Malaysia menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi," kata kenyataan itu.

Terdahulu, ramai pihak melahirkan rasa tidak puas hati ekoran Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) jatuh pada hari bekerja yang menyukarkan mereka untuk ke lokasi pembuangan undi.

Sementara itu, denda RM5,000 dan penjara setahun menanti majikan yang tidak membenarkan pekerja keluar mengundi.

Ia diperuntukkan mengikut subseksyen 25 Akta Pilihan Raya 1958.

Mana-mana majikan dikehendaki memberi tempoh munasabah kepada pengundi bekerja dengannya untuk keluar mengundi.

Malah, tiada majikan boleh membuat potongan gaji atau saraan lain atau mengenakan ke atasnya atau menuntut daripadanya penalti kerana tidak hadir kerja, dalam tempoh itu.

Untuk mengetahui maklumat pusat mengundi dan saluran mengundi, sila layari [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) atau menghantar SMS dengan menaip SPR <jarak> SEMAK <jarak> No Kad Pengenalan dan hantar kepada 15888, mulai 16 April ini.



## KELESTARIAN AIR SELANGOR

Efisien, Holistik & Berkemampuan

### Penstrukturan Semula Air di Selangor

Industri air di Selangor diswastakan pada 1994. Dasar pen-swastaaan industri air adalah bercelaru, berpihak kepada syarikat dan membebaskan rakyat.

Sekiranya penstrukturan semula air tidak dilaksanakan, tarif air sudah dinaikkan tiga kali sejak 2008 sebanyak 105%.

Penstrukturan semula industri air membolehkan Kerajaan Negeri mempunyai kawalan penuh ke atas industri air bagi menjamin kelestarian bekalan air yang holistik, berkemampuan dan efisien.

### 2014

Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan tandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Utama (Master Agreement) bagi memulakan proses pengambilalihan syarikat konsesi air.

### 2015

Air Selangor berjaya mengambil alih Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Konsortium ABBAS Sdn Bhd (ABBAS) dan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB)

Hanya Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) masih belum selesai hingga ke hari ini.

## Pendustaan tak bertanggungjawab

**SHAH ALAM** - Dakwaan sesetengah pihak bahawa ada usaha mengecilkan saiz perkhidmatan awam (*downsizing the civil service*) adalah pendustaan tidak bertanggungjawab bertujuan menyebarkan *fake news* dalam kalangan pegawai kerajaan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, penyebaran itu turut mahu menanamkan rasa curiga kepada penjawat awam menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Bagaimanapun, katanya, percubaan terdesak itu tidak mempengaruhi kematangan pegawai kerajaan khususnya Selangor.

"Saya yakin dan berulang kali menegaskan bahawa perkhidmatan awam Selangor adalah *par excellence* dan menjadi tulang belakang pentadbiran dalam memacu pembangunan serta kemajuan rakyat.

"Hakikatnya, hasil kerja kuat, dedikasi dan komitmen pegawai juga anggota perkhidmatan awam, Selangor berjaya untuk terus mempertahankan kedudukan sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Sekali gus, memimpin tatakelola dan integriti dalam pentadbiran. Selangor muncul sebagai gedung kuasa ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Anugerah

Jasamu Dikenang 2018, di Dewan Jubli Perak, SUK, pada 11 April lalu.

Mohamed Azmin menyifatkan tuduhan itu sebagai tohmahan liar dan meremeh serta memperbodohkan (*insult to the intelligence of our civil servants*) penjawat awam.

"Saya tidak ada sebarang keraguan. Pegawai kerajaan dan anggota perkhidmatan awam cukup matang, pintar dan bijak untuk membuat penilaian apabila melaksanakan hak mereka yang termaktub dalam perlembagaan.

"Fakta menunjukkan keadaan sebenar. Putrajaya gagal melihat peranan penting juga pengorbanan besar pegawai kerajaan dalam membangunkan negara sehingga mereka terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi akibat pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta kenaikan kos pendidikan, kesihatan selain perumahan," katanya.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengisytiharkan kerajaan Umno-BN tidak bercadang untuk mengecilkan saiz penjawat awam daripada 1.62 juta.

Disebabkan pengisytiharan itu dibuat menjelang pilihan raya, maka pengumuman yang dibuat Najib boleh ditafsir sebagai rayuan kepada penjawat awam supaya jangan memilih untuk menukar bos, selepas PRU14.



Mohamed Azmin ketika berucapa pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2017 dan Jasamu Di Kenang 2018, di Dewan Jubli Perak, SUK

Tadbir urus baik

## Teladani kepimpinan Mohamed Azmin

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Kepimpinan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, menjadi contoh kepada tadbir urus kerajaan yang baik, kata Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya.

Beliau berkata, pelbagai langkah dan inisiatif diperkenal serta dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat juga kemakmuran negeri.

"Selama dua tahun empat bulan saya menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan menjadi Ex Officio dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri segala isu masalah yang timbul akan sama-sama dibincangkan dalam semangat musyawarah.

"la supaya jalan penyelesaian terbaik dapat dicapai demi ke-

pentingan rakyat negeri ini. Bak kata peribahasa, di mana tembilan terentak, di situlah cendawan tumbuh. Di mana ada timbul perkara, di situlah perkara diselesaikan.

"Sokongan padu pada beliau terhadap penjawat awam ini amat disanjung. Rasa hormat yang tinggi kepada institusi perkhidmatan awam serta kemurahan hati memberikan bonus lumayan menjadikan beliau amat disayangi oleh warga kerja pentadbiran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2017 dan Jasamu Di Kenang 2018, di Dewan Jubli Perak, SUK, pada 11 April lalu.

Mohd Amin berkata, Mohamed Azmin sentiasa mem-

berikan cetusan idea yang bernas buat penjawat awam untuk terus berusaha gigih dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam selain daya kepimpinan ditonjolkan.

"Dewan Negeri sudah dibubarkan secara rasminya, maka berakhirlah mandat buat Dato' Menteri Besar dan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) serta wakil rakyat, penggal ini.

"Pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga kerja pentadbiran Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar juga seluruh ahli MMKN atas khidmat bakti dalam merencana pembangunan selain mencorakkan masa depan Selangor, penggal lalu," katanya.



## SelangorKini interaktif, baca akhbar keluar video

**SHAH ALAM** - SelangorKini menjadi akhbar negeri pertama di Malaysia memperkenalkan aplikasi *tehtARiq* iaitu kaedah imbasan berita dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutif Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB), Eddie Ahmad Khodzali berkata, ia membolehkan pembaca mengakses video di TVSelangor hanya dengan mengimbas imej pada artikel

terpilih, di SelangorKini.

Katanya, ia sekali gus memudahkan dan menjimatkan masa pembaca mendapatkan informasi tepat berhubung berita juga program berkaitan Kerajaan Negeri.

"Pelaksanaannya sejajar misi dan visi CCSB menyampaikan



hebahan Kerajaan Negeri secara lebih menyeluruh serta interaktif.

"la juga selaras agenda Smart Selangor gagasan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali

dan menjayakan agenda melawan *fake news* seperti diben-

tangan menerusi Belanjawan Selangor 2018," katanya.

Beliau berkata, aplikasi berkenaan boleh dimuat turun secara percuma menerusi *Google Play Store* bagi peranti *Android*.

"Sementara itu, bagi pengguna iOS, ia dijangka boleh dimuat turun dalam masa terdekat," katanya.

Pembaca sudah boleh menggunakan aplikasi berkenaan

bagi keluaran SelangorKini Peduli edisi kedua, bertarikh 10 hingga 16 April.

CCSB adalah anak syarikat Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (yang dipertanggungjawabkan sebagai media rasmi Kerajaan Negeri).

Dikenali sebagai Media Selangor, CCSB menguruskan penerbitan SelangorKini dan TVSelangor.



Skim Takaful Pesawah

# RM3.3 juta manfaat golongan tani

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM3.3 juta diluluskan Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan inisiatif berkebakikan Skim Takaful Pesawah kepada golongan tani, di negeri itu.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, senarai petani berkelayakan sudah didaftarkan di bawah pelaksanaan skim berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, penguaman berkenaannya akan diumumkan di peringkat pentadbiran negeri oleh Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

"Kita luluskan RM3.3 juta untuk pelaksanaan Skim Takaful Pesawah dengan proses pendaftaran pesawah sudah selesai dijalankan.

"Untuk tempoh kini, kita masih menunggu perancangan membuat pengumuman lanjut pelancaran skim ini kepada pesawah, seluruh negeri," katanya kepada SelangorKini.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar dalam pengumuman Belanjawan Selangor turut memfokuskan tanggungjawab berkebakikan kepada pesawah.

Justeru, pelaksanaan Skim Insuran Pesawah diperkenalkan secara percuma membabitkan 10,000 pesawah, seluruh negeri.

Melalui skim berkenaan, pesawah akan menerima beberapa

### PENGENALAN

- ❖ Pelan perlindungan Takaful Pesawah adalah inisiatif Kerajaan Selangor khas untuk pesawah di Selangor
- ❖ Perlindungan takaful yang komprehensif ini dikendalikan Agrobank dengan kerjasama Takaful Ikhlas berhad
- ❖ Perlindungan takaful meliputi kemalangan, penyakit dan perbelanjaan perubatan

### KELAYAKAN

- ❖ Warganegara Malaysia; dan  
Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi 10 tahun;
- ❖ Pesawah yang berumur 18 hingga 74 tahun (tertakluk kepada umur harijadi akan datang / *next birthday*)
- ❖ Pesawah yang mengusaha tanah sawah secara sah atau tuan tanah atau penyewa; atau
- ❖ Pemilih berdaftar di Selangor

manfaat yang dilihat bakal memberi manfaat jangka panjang kepada penggiat industri itu.

Skim berkenaan turut menasaskan bantuan manfaat perubatan, perlindungan akibat hilang

upaya kekal atau menyeluruh dan infaq kematian.

Untuk rekod, skim berkenaan diperkenalkan buat kali pertama tahun ini di peringkat negeri dan Persekutuan.



## Selangor dahului inisiatif bantu petani

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mendahului inisiatif Kerajaan Persekutuan membantu pelbagai aspek kebajikan petani dan pesawah, di negeri itu.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, antaranya RM8.5 juta untuk serangan hawar daun (BLB) dan penambahan RM200,000 bagi membantu hampir 9,000 pesawah terjejas.

Katanya, keperluan terhadap pentadbiran negeri tidak menghalang Kerajaan PAKATAN terus melaksanakan agenda berkebakikan kepada golongan tani negeri.

"Malah, bantuan ini disampaikan lebih awal daripada Kerajaan Persekutuan dengan RM960 per lot berbanding Kerajaan Persekutuan yang hanya menyerahkan RM500 per lot.

"Walaupun pada dasarnya tanggungjawab memastikan kebajikan pesawah dan petani di bawah bidang kuasa Kerajaan

Persekutuan, namun Kerajaan Selangor turut konsisten membantu mereka.

"Jadi, bantuan yang kita sampaikan bukan sahaja cepat dan mendahului Kerajaan Persekutuan tetapi lebih tinggi serta membantu golongan tani," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM26 juta bagi pembiayaan industri pertanian dengan RM12.94 juta diperuntukkan untuk peningkatan produk.

Ia termasuk penambahan pengeluaran tanaman padi, kelapa, buah-buahan, sayuran, herba, florikultur, akuakultur dan ternakan.

Jumlah berkenaan meliputi nilai perbelanjaan Belanjawan Negeri bagi tempoh 2018.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pemberdayaan nelayan, petani, penternak dan pesawah melalui program latihan dan bantuan peralatan dengan peruntukan RM7.1 juta setahun.

## SELANGOR SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB

**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus

**PENGARANG:** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

**WARTAWAN:**

Hafizan Taib : hapizantab@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim : nazli@mediaselangor.com,

Afif Redzuan : syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor : hayati@mediaselangor.com,

Ermizi Muhamad : noraizie@mediaselangor.com

Sabirah Aziz : maizaitul@mediaselangor.com

Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com

Syazwani Sufian : syazwani@mediaselangor.com

Nadiah Zamli : sitinadiah@mediaselangor.com

Haziq Ismail : zulhaziq@mediaselangor.com

**JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:**

Nadhran Azlan : nadhran@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 117)

**JURUGAMBAR:** Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

## RM260,000 biaya rawatan dialisis

**PUCHONG** - Sejumlah RM260,000 disumbangkan Kerajaan Negeri bagi membiayai rawatan pesakit buah pinggang, di Yayasan Kebajikan SSL Hemodialisis, di sini.

Sumbangan disampaikan Pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) mewakili Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi kepada Naib Presiden yayasan itu, Wong Peng Wah.

Katanya, jumlah itu bagi menanggung kos rawatan 52 pesakit di dua pusat dialisis yaya-san iaitu di Puchong dan Petaling Jaya.

"Ia adalah bantuan yang diluluskan dari Januari hingga Mac tahun ini. Setakat ini, lebih 400 pesakit buah pinggang dibantu.

"Kami juga menasaskan bantuan RM5,000 kepada seorang pesakit dengan anggaran 1,000 penerima bagi peruntukan RM5 juta setahun," katanya.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara, Ng Sze Han dan ADN Bukit Gasing, R Rajiv.

Terdapat kira-kira 200 pesakit yang menjalani rawatan dialisis di pusat rawatan berkenaan.

Pesakit yang layak boleh memohon mendapatkan bantuan di laman sesawang Bantuan Sihat Selangor iaitu bantuansihat.selangor.gov.my.

Bantuan itu diperkenalkan sejak 2009 sehingga kini dengan keutamaan diberikan kepada pemohon yang tidak mendapat sebarang bantuan daripada mana-mana agensi.

**Jumlah itu bagi menanggung kos rawatan 52 pesakit di dua pusat dialisis yayasan iaitu di Puchong dan Petaling Jaya. Ia adalah bantuan yang diluluskan dari Januari hingga Mac tahun ini. Setakat ini, lebih 400 pesakit buah pinggang dibantu**

### DAROYAH ALWI

Exco Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga

OLEH NORHAYATI UMOR

## Aplikasi Smart Masjid

# JAIS turut bangunkan Smart Selangor

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menyambut baik usaha Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengangkat dasar Kerajaan Negeri untuk turut serta merealisasikan Smart State 2025.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pendekatan *Smart Technology* diguna pakai di semua jabatan membolehkan pengurusan masjid juga ditadbir dengan lebih baik.

Katanya, aplikasi dinamakan Smart Masjid itu membolehkan kerja penyediaan laporan, akses kewangan dan pelbagai aktiviti surau dapat dilaksanakan dengan lebih efisien serta efektif.

"Saya gembira JAIS menyambut dasar Kerajaan Negeri bersama membangunkan *Smart State*.

"Aplikasi ini membolehkan pengurusan mentadbir masjid dan surau dengan lebih baik," katanya.

Mohamed Azmin berkata, pelaksanaan aplikasi Smart Masjid itu adalah inisiatif Kerajaan Negeri menggunakan Smart Aplikasi dalam penyelesaian ummah, ketika ini.

Terdahulu, Mohamed Azmin turut melancarkan aplikasi Smart Masjid @ Masjid Ku Rumah Kedua yang boleh dimuat turun, di *Google Playstore*.

Sementara itu, Pengarah JAIS, Dato' Haris Kasim berkata, Selangor sebagai negeri maju di



Mohamed Azmin berucap pada Konvensyen Integriti Pengurusan Masjid dan Surau Selangor, di Dewan Jubli Perak, SUK, pada 7 April lalu

Saya gembira JAIS menyambut dasar Kerajaan Negeri bersama membangunkan *Smart State*.

Aplikasi ini membolehkan pengurusan masjid mentadbir masjid dan surau dengan lebih baik

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

bawah kepimpinan Mohamed Azmin berhasrat merealisasikan gagasan Smart Selangor.

Justeru, katanya, inisiatif itu selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dan wajar disokong sepenuhnya terutama pegawai masjid sendiri.



## Perlu kreatif tarik golongan milenium

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa pengurusan masjid dan surau dituntut lebih kreatif dalam melaksanakan aktiviti bagi menarik golongan milenium mengimarahkan institusi itu.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hal itu bagi memastikan masjid boleh dijadikan pusat pembangunan tamadun umat Islam, di negeri itu.

Katanya, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM400 juta kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menerusi Belanjawan 2018 bagi memperkasakan Islam.

"Kita mesti mengambil tindakan inovatif

dan kreatif bagi menarik lebih banyak jemaah.

"Masjid perlu berperanan sebagai pusat pencerahan dan aktiviti sosial umat Islam ke arah membina jati diri Muslim," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata keupayaan memperuntukkan perbelanjaan besar kepada JAIS itu membuktikan Kerajaan Negeri mempunyai kekuatan ekonomi kukuh.

Katanya, ia hasil ketelusan dan kebertanggungjawaban Kerajaan Negeri mengamalkan prinsip integriti.

Untuk rekod, sehingga bulan ini, terdapat 2015 surau dan 420 masjid, di Selangor.

## SmartShorties Selangor cengkil bakat industri filem

**SHAH ALAM** - Pembedaan Menteri Besar Selangor (MBI) menganjurkan pertandingan Projek Filem Pendek Smartshorties 2018 bagi mempromosikan pembangunan agenda pintar Smart Selangor, bermula 27 Mac sehingga 17 April ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Raja Shahreen Raja Othman berkata, penganjurannya bagi mengasah bakat pembikin filem amatir, di negeri itu.

Beliau berkata, pertandingan itu juga sebagai usaha mengenal pasti dan menyokong bakat filem baru tempatan untuk tampil mengetengahkan idea baru dalam industri perfileman negara.

"Objektif lainnya adalah mempromosikan Smart Selangor dan kami sangat menggalakkan penyertaan orang ramai supaya mesej disampaikan melalui video filem pendek itu akan mudah diingat dan difahami rakyat.

"Pertandingan ini akan melalui beberapa fasa termasuk bengkel khas mengasah lagi bakat pembikin video amatir oleh penggiat industri profesional.

"Seterusnya, peserta terpilih diberi pengalaman cukup lumayan

apabila video mereka ditayangkan pada Malam Gala *movie premier*, pada 5 Mei ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Smart Selangor Shorties 2018, di Shah Alam Convention Centre, pada 5 April lalu.

Smartshorties 2018 adalah inisiatif program anjuran MBI bersama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU).

Sementara itu, orang awam boleh merebut wang tunai sehingga RM14,000 dan berpeluang mengikuti latihan pembikinan filem terkenal bersama Pengarah Urusan Creative Learning and Development, Zaki Abdul Rahim dan selebriti tempatan, Yana Samsudin.

"Tema penghasilan video pendek itu perlu berdurasi tiga minit dan menekankan 12 domain utama Smart Selangor.

"Antaranya *Smart Governance, Smart Digital Infrastructure, Smart Waste Management, Smart Transport and Mobility* dan *Smart Safety and security*," kata Raja Shahreen.

Untuk maklumat lanjut dan penyertaan, orang ramai boleh membuat pendaftaran di <http://bot.ly/SmartShorties>



Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2018 (MIHAS 2018)

# Northport jalin kerjasama dengan Belgium

OLEH SHEEDA FATHIL

**KUALA LUMPUR** - Pengurusan Pelabuhan Klang Utara (Northport) menjalin kerjasama dengan Belgium, pada program Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2018 (MIHAS 2018), pada 6 April lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad, Dato' Hasan Azhari Idris berkata, kerjasama itu lanjutan lawatan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, bersama Invest Selangor ke Port of Bruges, Belgium, tahun lalu.

"Ia bertujuan menjalinkan hubungan lebih erat dengan negara luar dan ia merangkumi kerjasama daripada segi logistik, import

serta eksport.

"Northport juga akan menerokai pasaran Eropah di sana dan membuka peluang kepada usahawan di Selangor untuk mengeksport produk mereka ke Eropah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan ke gerai pameran Made In Selangor, di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MiTEC) yang berlangsung empat hari dan berakhir, pada 7 April lalu.

Sementara itu, mengulas berkenaan idea teretusnya nama



Dato' Hasan Azhari

Pavillion Selangor, Hasan berkata, ia kerana pembabitkan syarikat yang beroperasi di Selangor mengambil bahagian dalam acara MIHAS semakin bertambah berbanding sebelum ini.

"Tahun ini membabitkan 11 syarikat dan agensi termasuk Jabatan Agama Islam Selangor turut serta mengambil bahagian.

"Semoga lebih banyak lagi pembabitkan syarikat dan usahawan di Selangor menyertai pameran terbesar seperti ini, pada tahun hadapan," katanya.



Amirudin ditemani Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad, Dato' Hasan Azhari Idris melawat gerai pameran Made In Selangor di MIHAS

## Usahawan Selangor ke MIHAS 2018 bertambah

**KUALA LUMPUR** - Pembabitkan usahawan Selangor menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2018 (MIHAS 2018) bertambah kepada skala yang lebih besar berbanding sebelum ini.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, penyertaan berbeza apabila tahun ini terdapatnya gabungan bersama Invest Selangor Berhad dan Pavil-

lion Selangor.

"Dengan gabungan ini, kita menerima penyertaan *high standard* seperti Northport yang menawarkan perkhidmatan eksport dan import barangan, ke China.

"Ia adalah perkhidmatan yang sangat baik serta mampu melengkapkan peluang kepada usahawan di negeri ini supaya dapat menembusi pasaran halal bukan hanya di Malaysia tetapi di mata dunia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan ke gerai pameran Made In Selangor bertempat di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MiTEC), pada 5 April lalu.

Amirudin berkata, beliau terharu apabila produk Selangor turut menjadi tarikan daripada warga Jepun dan ia berkemungkinan sebagai persediaan mereka untuk memilih produk Malaysia sempena kedatangan sukan O-



## Kadar pinjaman HIJRAH meningkat RM100,000

**SUBANG JAYA** - Hijrah Selangor (HIJRAH) bercadang menaikkan had pinjaman mikro kredit daripada RM50,000 kepada RM100,000 buat pemohon yang layak.

Pengerusi Eksekutifnya, Dato' Mansor Othman berkata, pihaknya menghantar cadangan berkenaan kepada Kerajaan Negeri supaya dipertimbangkan bagi membantu lebih ramai usahawan memulakan perniagaan.

"Ia juga bagi membantu syarikat pemaju berkembang lebih maju dalam bidang perniagaan diceburi.

"Perkara ini ekoran kami menerima sambutan amat menggalakkan daripada peminjam. Ia termasuk peratusan kadar bayaran balik pinjaman yang membezakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus NLP (Mentoring) Syarikat Peneraju dan Usahawan HIJRAH dengan kerjasama Kumpulan Perangsang Selangor, di Hotel Summit USJ, pada 6 April lalu.

Katanya, melalui program

**Kami melantik beberapa syarikat peneraju memberikan bimbingan supaya dapat meluaskan landasan perniagaan, sekali gus memperkenalkan produk mereka ke pasaran.**

**DATO' MANSOR OTHMAN**  
Pengerusi Eksekutifnya

HIJRAH, peserta bukan sahaja diberikan pinjaman, malahan turut dibantu daripada pelbagai sudut.

"Kami melantik beberapa syarikat peneraju memberikan bimbingan supaya dapat meluaskan landasan perniagaan sekali gus memperkenalkan produk mereka ke pasaran," katanya.

Kursus berlangsung tiga hari itu membabitkan 16 mentor dan 44 mentee daripada pelbagai golongan.

2004, MIHAS berkembang menjadi acara perdagangan khusus tahunan yang amat dinantikan dalam industri halal seluruh dunia selain melonjakkan Malaysia sebagai hab global bagi ekonomi Islam.

Menarik penyertaan lebih 1,000 peserta pameran daripada lebih 40 negara pada tahun ini, MIHAS mendapat perhatian dunia, menjadikannya landasan untuk perdagangan halal global.



## SSDU Iakar sejarah

# DILANTIK EDO PERTAMA DI RANTAU ASIA PASIFIK

OLEH NORHAYATI UMOR

**S**mart Selangor Delivery Unit (SSDU) melakar sejarah apabila dilantik oleh Amazon Web Services (AWS) Amerika Syarikat menjadi Organisasi Pembangunan Ekonomi (EDO) AWS pertama, di rantau Asia Pasifik.

Pengarah SSDU, Dr Fahmi Ngah berkata, kerjasama strategik itu mampu merealisasikan visi Smart Selangor menjadikan Selangor sebagai *Smart State* terunggul di ASEAN, menjelang 2025.

Katanya, menerusi kerjasama itu, SSDU akan memperluaskan

penggunaan teknologi *Cloud Computing* AWS, di Selangor.

“Kita sangat teruja dan berterima kasih kepada AWS di atas keyakinan diberikan kepada kebolehan SSDU dan juga kepada potensi pemasaran untuk teknologi ini.

“Lantikan sebagai EDO oleh AWS yang berpangkalan di Amerika Syarikat ini membolehkan SSDU menyegerakan pembangunan beberapa inisiatif utama di bawah program Smart Selangor” katanya ketika ditemui.

Dr Fahmi berkata, lantikan pertama di rantau Asia Pasifik membolehkan kerjasama di an-

tara SSDU dan AWS memperkenalkan program AWS Cloudstart, AWS Educate serta AWS Academy, di Selangor.

Program AWS Cloudstart boleh mengupayakan sektor SME untuk menggunakan beberapa infrastruktur teknologi maklumat berasaskan *Cloud Computing Technology* yang diiktiraf dunia untuk tujuan pembangunan dan pemasaran produk pada kos berpatutan.

Beliau berkata, AWS juga akan melaburkan kepakaran mereka membantu SSDU membina ekosistem yang sesuai untuk menyokong pembangunan Industri 4.0 dan *Internet of Things*.

## Kerjasama SSDU-AWS upaya SME

**KERJASAMA** Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) bersama Amazon Web Services (AWS) menerusi program *AWS Cloudstart*, *AWS Educate* dan *AWS Academy* dijangka dapat mengupayakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), sektor pendidikan serta pembangunan aplikasi, di Selangor dengan kemahiran *Cloud Computing Technology* yang diiktiraf dunia.

Pengarah SSDU, Dr Fahmi Ngah berkata, tiga komponen pembangunan itu akan mengupayakan SME Selangor ke arah Revolusi Industri 4.0 menggunakan *Internet of Things*, pendidikan berasaskan teknologi maklumat dan pembangunan aplikasi yang diiktiraf dunia.

“Di Selangor, terdapat lebih 180,000 pengusaha SME. Menerusi program *AWS Cloudstart*, SME Selangor bakal diupayakan dengan kemahiran membangunkan aplikasi baru berdasarkan piawaian dan protokol antarabangsa.

“Banyak sinergi boleh diwujudkan untuk membantu pengusaha SME dengan produk tempatan

dapat dipasarkan dengan lebih meluas, ke seluruh dunia” katanya ketika ditemui selepas perbincangan bersama AWS, di Ibu Pejabat SSDU, pada 6 April lalu.

Dr Fahmi berkata, pihaknya mensasarkan 500 pengusaha SME akan dibabitkan di bawah program *AWS Cloudstart*, pada tahun pertama perlaksanaannya.

Pada masa sama, Dr Fahmi berkata, kerjasama menerusi program *AWS Academy* bakal menghasilkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran dalam bidang *Cloud Computing*.

Katanya, ia akan dapat menarik minat pelabur asing terutama daripada sektor berasaskan teknologi dan perisian untuk bertapak, di Selangor.

Selain itu, Dr Fahmi juga mahu membangunkan hab aplikasi bagi menggabungkan semua aplikasi Kerajaan Negeri sedia ada di dalam landasan yang membolehkan Big Data Analytics dilakukan.

“Ia untuk menjana polisi negeri yang lebih baik dan memantau keberkesanan beberapa inisiatif di bawah program Inisiatif Peduli Rakyat yang sedang dijalankan,” katanya.



Bela Melayu?

# Propaganda politik Umno

OLEH SYAZWANI SUFIAN

**SHAH ALAM** - Dakwaan Umno-Barisan Nasional (Umno-BN) mempertahankan kepentingan Melayu adalah propaganda menagih sokongan, kata Ketua Umum Pakatan Harapan (PAKATAN), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar berkata demikian bagi mengulas keengganan Kerajaan Umno-BN mengembalikan keperluan perkenan Yang Di-Pertuan Agong sebelum sesuatu rang undang-undang

dang menjadi akta.

"Saya amat terkejut dengan pendirian Umno dalam isu ini.

"Ia membuktikan bahawa dakwaan Umno mempertahankan institusi Raja-Raja Melayu dan kepentingan Melayu hanya propaganda untuk meraih sokongan Melayu terhadap Umno-BN," katanya dalam kenyataan.

Anwar berkata demikian ekoran jawapan bertulis Ahli Parlimen Pengerang, Datuk Seri Azalina Othman Said dalam Parlimen lalu berkata, Kerajaan

Persekutuan belum bercadang mengembalikan keperluan perkenan Yang Di-Pertuan Agong dalam pengubalan sesuatu akta selain menjelaskan bahawa ia memerlukan kajian yang terperinci dan mendalam.

Azalina berkata demikian sebagai menjawab soalan yang Ahli Parlimen Padang Serai, N Surendran berhubung sama ada kerajaan bercadang meminda Klausa 4(a) Artikel 66 Perlembagaan Persekutuan.

Anwar berkata, perlembagaan sedia ada yang tidak

memerlukan perkenan diraja mengakibatkan salah guna kuasa oleh BN terutama dalam pewartaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Walaupun Majlis Raja-Raja berpendapat beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang terbabit perlu diperhalusi. MKN sudah diwartakan tanpa menerima perkenan Yang Di-Pertuan Agong," katanya.

Awal tahun ini, Anwar memfailkan tindakan mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan di Mahkamah Persekutuan un-

tuk memulangkan keperluan mandatori bagi perkenan diraja.

"Saya berasa jijik mendengar kemunafikan pihak yang berkata kononnya merekalah mempertahankan institusi raja-raja tetapi kerajaan Umno-BN melawan tindakan mahkamah yang saya mulakan ini.

"Perkenan diraja amat penting dalam menjamin keseimbangan di antara pihak eksekutif, legislatif dan raja-raja dalam meluluskan undang-undang," katanya.

## KISS ke seluruh negara jika PAKATAN menang

**SHAH ALAM** - Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) bakal diperluaskan ke seluruh negara jika Pakatan Harapan (PAKATAN) berjaya mentadbir Purtajaya.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, walaupun KISS diberikan kepada golongan wanita, namun ia sedikit sebanyak membantu meringankan

beban golongan suami juga bapa.

"Daripada melaksanakan Baucer Rakyat 1Malaysia (BR1M) seperti yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN), lebih baik kita berikan mereka KISS.

"KISS adalah insentif yang sangat membantu rakyat kerana penerima (wanita) diberikan RM200 setiap bulan berban-

ding pemberian BR1M, hanya ada masa tertentu sahaja," katanya ketika dihubungi SelangorKini.

Daroyah yakin pemberian RM200 itu amat membantu isi rumah membeli barangan keperluan, sekali gus menghilangkan tekanan pasangan suami isteri akibat kos sara hidup semakin meningkat, pada masa kini.

Setakat ini, manfaat KISS menyantuni wanita Selangor yang berkecukupan dengan pemberian RM2,400 setahun atau RM200 sebulan untuk mereka membeli barang keperluan.

Peserta KISS akan mendapat bekalan makanan asas, peralatan juga pakaian sekolah untuk anak di lebih 500 pasar raya dan kedai runcit berdaftar seperti Gi-

ant Hypermarket, 99 Speedmart serta Pusat Pakaian Hari-Hari.

Skim berkenaan terbuka kepada rakyat Selangor atau mereka yang menetap melebihi 10 tahun dan pemilih berdaftar, di Selangor.

Ia juga terbuka wanita berkeluarga atau ibu tunggal yang mempunyai anak atau tanggungan, di bawah umur 21 tahun.

## 10 TAHUN KEJAYAAN



### 1. PENTADBIRAN TELUS, ADIL & BERSIH

Dengan berpegang kepada prinsip *fastabiqul khairat*, berlumba-lumba berbuat kebaikan, pimpinan 10 tahun Pakatan mengukuhkan perpaduan rakyat Selangor dengan mengembalikan kekayaan negeri bagi menjamin kesejahteraan rakyat.



### 2. KISS UNTUK WANITA

Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) memberi RM200 sebulan atau RM2,400 setahun kepada 40,000 ibu yang memerlukan, bagi mengelakkan kesan GST dan kenaikan harga barang. Lebih ramai ibu Selangor dapat dibantu selepas mendapat mandat baru daripada rakyat.



### 3. KESIHATAN BERSEPADU

Rakyat Selangor dan penjawat awam dilindungi Skim Peduli Sihat; RM700 setahun untuk rawatan di klinik swasta dan RM10,000 setahun seorang bagi rawatan penjawat awam. Rawatan jantung dibiayai bersama Institut Jantung Negara.



### 4. PERUMAHAN MAMPU MILIK

Pemilikan rumah diperluaskan melalui program Rumah Selangorku yang berkualiti, bermula daripada harga RM42,000. Skim Smart Sewa bermula RM550 sebulan dan bayaran 10% deposit melalui inisiatif Selangor First Home Buyers diperluaskan.



### 5. MENINGKATKAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN

Demi masa depan yang cerah, 61,474 anak Selangor diberikan RM1,000 sebagai Hadiah Pengajian Kemasukan Institut Pengajian Tinggi. Lebih 1,000 anak muda menerima pinjaman tanpa faedah Peduli Siswa dan Biasiswa Selangorku.

## 10 TERAS MASA DEPAN



### 6. PEKERJAAN UNTUK SEMUA

50,768 usahawan diberi pinjaman RM1,000 - RM50,000 melalui HIJRAH Selangor, mikro kredit tanpa faedah. IKTISASS memberi latihan kemahiran & elaun bagi meningkatkan peluang anak muda mendapat pekerjaan.



### 7. MEMBANGUN MASYARAKAT BERAGAMA & BERAKHLAK

Bagi meraikan kepelbagaian budaya dan kepercayaan, 25 masjid dibina, 6,500 jemaah haji diberi wang saku RM500, dan JAIS diperuntukkan RM1 bilion dalam tempoh 10 tahun. 260 rumah ibadat bukan Islam - tokong, kuil, gereja & Gurdwara - telah diluluskan dengan peruntukkan RM44 juta.



### 8. MAJLIS TEMPATAN MESRA RAKYAT

15 juta orang telah menggunakan khidmat 120 bas percuma dengan WiFi. Suara komuniti setempat diberi peranan dalam pembangunan majlis tempatan. 20% rizab majlis tempatan diperuntukkan untuk kemudahan awam bagi OKU, padang permainan dan kemudahan lain.



### 9. PEMBANGUNAN GENERASI BELIA & SUKAN

48,000 belia Selangor menerima Insentif Perkahwinan Belia RM500. Daya saing atlet dan fasiliti negeri dipacu dengan suntikan RM28 juta, yang membawa kejayaan Selangor dalam menjuarai Sukan Malaysia (SUKMA) dengan 195 pingat pada tahun 2016.



### 10. MEMPERKUKUKAN INSTITUSI KELUARGA

Anak Selangor diberikan pelbagai bantuan; RM1,500 TAWAS bila lahir dan RM150 sebulan TUNAS dan SiKembang untuk bantuan tadika. Skim Mesra Usia Emas (SMUE) memberikan waris warga emas bantuan khairat sebanyak RM2,500.







Kemiskinan bandar

# Semua pihak perlu tangani

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan dan semua pihak perlu memainkan peranan bagi mengatasi masalah kemiskinan dihadapi rakyat khususnya, di kawasan bandar.

Ketua Ekonomi DM Analytics Malaysia, Dr Muhammed Abdul Khalid berkata, kemiskinan bandar adalah satu isu penting yang membebaskan rakyat ekoran peningkatan kos sara hidup masa kini.

"Kita perlu memahami sesuatu isu dihadapi supaya ia mampu ditangani dengan cara betul.

"Kita perlu mengubah perkara berhubung kait kemiskinan bandar antaranya kesihatan kanak-kanak dan masalah kehilangan pekerjaan dengan memberi perhatian daripada segi perangkaan supaya mampu diatasi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas forum isu sosial semasa 'Kemiskinan Bandar: An-

tara Fakta Dan Auta' di Sekretariat Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), pada 5 April lalu.

Katanya, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat juga boleh bertindak untuk perubahan itu, namun tidak memerlukan kumpulan yang besar.

"Sebarang polisi ingin dilaksanakan hanya memerlukan sekumpulan kecil memainkan peranan dan ia perlu dijalankan secara betul yang pasti dilakukan secara aktif," katanya.

Berhubung forum anjuran ABIM itu, katanya, ia pendekatan bagus kerana isu sebegitu jarang diperkatakan dan dibahaskan dalam kalangan masyarakat.

"Program sebegini bukan sekadar memberi kesedaran tetapi juga perancangan bukan hanya di peringkat kerajaan tetapi NGO dan individu bagi melakukan sesuatu," katanya.

# Mahasiswa yakin Kerajaan PAKATAN tangani isu PTPTN

**SHAH ALAM** - Kerajaan baru atau *in-waiting government* daripada Pakatan Harapan (PAKATAN) yang bakal memerintah Malaysia selepas PRU14 diharap memberi respon dan penyelesaian isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Perkara itu disebut oleh sekumpulan Mahasiswa Pakatan Harapan (Mahasiswa PAKATAN) selepas melihat 45,866 mahasiswa terkesan dengan isu penangguhan dan disenarai hitam oleh PTPTN akibat sistem pengurusan lemah.

Exco Pemuda Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PBM), Abdul Hannaan Kahry berkata, pihaknya menaruh harapan tinggi terhadap PAKATAN untuk memberi maklum balas berhubung permasalahan mahasiswa dan graduan.

"Anak muda adalah harapan masa depan Malaysia, jika tidak diberi bantuan dan perhatian sewajarnya, bagaimana kami mampu meneruskan legasi kepimpinan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media Mahasiswa Pakatan Harapan, di

Galeri PPBM HQ, Menara Yayasan Selangor, pada 5 April lalu.

Hannaan berkata, baru-baru ini dalam manifesto PAKATAN menyentuh isu PTPTN yang dilihat bersesuaian untuk lepasan graduan masa kini.

"Dalam manifesto itu menyebut pembayaran balik PTPTN hanya berlaku apabila seseorang itu mencapai gaji RM4,000.

"Nilai ini dilihat bersesuaian dengan survival graduan untuk mengatasi kos sara hidup dan pada masa sama mampu membuat bayaran balik hutang PTPTN," katanya.

Namun, isu berkenaan graduan universiti tidak dipandang kerajaan hari ini.

Hannaan berkata, kerajaan hari ini tidak adil dalam pentadbiran apabila Tan Sri Isa Samad masih memegang jawatan pemangku Pengerusi SPAD walaupun terbabit dalam pemindahan hak milik tanah FELDA bernilai ratusan juta, sedangkan anak muda sudah dikenakan tindakan *blacklist*.

Cari 5 Nama Bandar di Malaysia dan berpeluang memenangi

# RM150,000\*

\*Tertakluk kepada terma dan syarat



Cari 5 nama bandar di Malaysia yang tersorok secara melintang atau mendatar.

Berikan jawapan anda melalui kupon di bawah atau hubungi kami untuk berpeluang memenangi **RM150,000.00!**

**JAMINAN RASMI PENYERAHAN HADIAH UTAMA WANG TUNAI RM150,000 PADA 25 APRIL 2018:**

Pihak Pengurusan Best Products secara rasminya menjamin penyerahan wang tunai RM150,000 kepada pemenang yang layak. Kelayakan ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Best Products.

**BARU!**

HANTAR KUPON LEBIH PANTAS MELALUI WhatsApp

012-622 2330

Amil gambar kupon yang telah dilengkapkan dengan jelas seperti contoh di bawah dan WhatsApp kepada kami.

**CONTOH**

Sekiranya kupon penyertaan telah dihantar melalui nombor WhatsApp yang diberi, ia tidak perlu dipos lagi.

**Mohd Dan Wakiri Bin SAM A Bakar**  
Pemenang Hadiah Utama, Kempen Keduabelas

1st PRIZE

**RM 150,000.00**

Telefon sekarang untuk mendapatkan hadiah-hadiah anda:

**03-2716 6363**

Setiap hari dari jam 8 pagi hingga 7 petang.

ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA: **BEST PRODUCTS, P.O. BOX 12366, 50776 KUALA LUMPUR.** **KUPON PENYERTAAN**

Ya, saya menjumpai 5 nama bandar di Malaysia: 1) PUTRAJAYA, 2) \_\_\_\_\_, 3) \_\_\_\_\_, 4) \_\_\_\_\_, 5) \_\_\_\_\_.

Ya, saya ingin berpeluang menjadi RM150,000.00 lebih kaya.

Ya, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangi hadiah ini.

No. kod: 3.2607.120418.29.7.1

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

Jantina:  Lelaki  Perempuan Tarikh Lahir: \_\_\_\_\_/\_\_\_\_\_/\_\_\_\_\_  
Hari Bulan Tahun

Alamat: \_\_\_\_\_

Poskod: \_\_\_\_\_ Bandar: \_\_\_\_\_

Nombor Telefon: Rumah: \_\_\_\_\_

Bimbit: \_\_\_\_\_

Emel: \_\_\_\_\_ Tandatangan: \_\_\_\_\_

**\*Terma dan Syarat Kempen Pemasaran ("Kempen")**

1) Kempen ini dianjurkan oleh Home Direct Shopping Sdn Bhd (1110325-V) ("Syarikat"). Pusat Perkhidmatan Pelanggan beralamat di 32A-2, Jalan PJS 8/2 Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor dengan No. Lesen Jualan Langsung (Jualan Pesanan Pos) AJL 932090. 2) Kempen ini akan berlangsung dari 1 April 2018 hingga 30 April 2018 ("Tempoh Kempen"). Selepas tamat Tempoh Kempen, jika pesanan anda tidak dilayan untuk kempen ini, pesanan anda secara automatik akan dimasukkan ke dalam kempen baru kami yang akan datang (jika ada). 3) Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan Berpeluang"). 4) Pelanggan Berpeluang (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Penuh) mempunyai peluang untuk memenangi hadiah-hadiah berikut: Satu Hadiah Utama berupa wang tunai sebanyak RM150,000.00; Satu Hadiah Tambahan Pertama wang tunai sebanyak RM30,000.00; atau Satu Hadiah Tambahan Kedua wang tunai sebanyak RM3,999.00. 5) Kempen ini akan terbahagi kepada empat (4) peringkat: a) Peringkat 1: Syarikat akan memberi peluang kepada Pelanggan Berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini dengan melakukan langkah-langkah seperti yang dinyatakan di dalam iklan di atas. b) Peringkat 2: Pelanggan Berpeluang hendaklah mendaftar dengan Syarikat sama ada dengan menelefon nombor telefon Syarikat ataupun menghantarkan kupon yang telah dilengkapkan ke alamat Syarikat. c) Peringkat 3: Setelah mendaftar, Pelanggan Berpeluang akan menerima melalui pos pakej mel Syarikat yang akan mengandungi katalog-katalog Syarikat, bahan-bahan promosi serta Terma dan Syarat Penuh; dan d) Peringkat 4: Pelanggan Berpeluang hendaklah membuat pesanan berdasarkan katalog Syarikat dan membuat bayaran penuh bagi produk yang dipesan. Kriteria pemilihan pemenang adalah seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Penuh. 6) Dengan melengkapkan kupon dan mengeposnya kepada Pelanggan Berpeluang bersetuju dengan terma-terma dalam Notis Privasi Syarikat bahawa data peribadi beliau yang dikumpul melalui proses ini boleh diproses, disimpan, dikumpul, digunakan oleh Syarikat atau diarahkan kepada pihak ketiga yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak yang bersekutu dengan Syarikat yang mungkin berada di luar Malaysia, bagi tujuan pengiklanan, kempen promosi, pemasaran termasuk menerima katalog atau dokumen informatif Syarikat atau pihak ketiga. 7) Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Penuh, Polisi Pemulangan Syarikat dan Notis Privasi Syarikat yang akan dihantar selepas pendaftaran atau melalui laman web kami di [www.bestproducts.my](http://www.bestproducts.my).





Bantuan basikal dan topi keselamatan percuma

# Hadiah terakhir ADN Sungai Pinang

OLEH NADIAH ZAMLUS

**KLANG** - Pemberian bantuan 80 basikal dan topi keselamatan percuma adalah hadiah terakhir diberikan Ahli Dewan Negeri (ADN) Sungai Pinang, Dato' Theng Chang Khim, sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Basikal ini adalah hadiah terakhir saya sebagai ADN Sungai Pinang," kata Chang Khim kepada lebih 200 penduduk Rantau Panjang, pada 7 April lalu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SRA Rantau Panjang.

Chang Khim kelihatan sedih ekoran Rantau Panjang tidak lagi berada dalam DUN Sungai Pinang selepas proses persempadanan semula.

"Rantau Panjang menjadi DUN Sementara, namun saya berharap kembali berkhidmat untuk orang Klang.



**Chang Khim memakaikan topi keselamatan kepada salah seorang penerima di SRA Rantau Panjang**

"Bermula pada 2004 hingga 2008 sebagai pembangkang, Rantau Panjang sudah sehati dengan diri saya, kami turun padang walaupun bergelar pembangkang dengan sumber terhad.

"Namun selepas 2008, apabila

sudah menjadi Kerajaan Negeri, banyak infrastruktur dibangunkan terutama Sekolah Agama Rakyat (SRA) Rantau Panjang iaitu satu-satunya sekolah agama, di sini. Saya tak pernah lupa," katanya.

# Sebaran syarat palsu, cubaan sabotaj KISS

**KOTA DAMANSARA** - Satu sebaran bermotif politik bertujuan mensabotaj program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dikesan berlegar menerusi aplikasi whatsapp, sejak beberapa minggu ini.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara, Mohd Radzlan Jalaluddin (**gambar**) berkata, sebaran palsu itu mengandungi senarai syarat palsu kononnya dikenakan Kerajaan Negeri bagi permohonan KISS.

"Kononnya penerima zakat dan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat tak layak. Paling jahat sekali apabila menyebarkan berita kononnya ahli parti politik tertentu sahaja yang layak, ini suatu fitnah besar.

"Kita dapat tahu perkara ini apabila banyak disebar melalui whatsapp. Saya juga jumpa seorang ibu yang memaklumkan dia tak boleh memohon kerana seorang penerima zakat," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri mengamalkan dasar buta warna politik, agama dan bangsa dalam menjalankan program supaya semua lapisan masyarakat



memperoleh manfaat yang disediakan.

Katanya, selain aplikasi whatsapp, beliau turut menerima klip video dilakukan individu tidak dikenali yang berlegar di media sosial facebook kononnya hanya ahli parti politik tertentu sahaja boleh memohon KISS.

"Ini memang bermotifkan politik, kononnya Kerajaan Negeri hanya menjaga ahli parti tertentu sahaja sedangkan Dato' Menteri Besar menjaga semua tanpa mengira parti sebab pertimbangan kita adalah rakyat," katanya.

KEMUDAHAN  
AWAM

**WIFI PERCUMA SELURUH NEGERI**

Follow **WIFISMARTSELANGOR**

[www.ipr.selangor.gov.my](http://www.ipr.selangor.gov.my)

**IPR | INSENTIF PEDULI RAKYAT**

## WIFI SMART SELANGOR

## WiFi PERCUMA

### 3,000 HOTSPOT DI NEGERI SELANGOR

**RM 8JUTA** Perbelanjaan  
**760,000** Penerima

**Manfaat program**

Perkhidmatan WiFi percuma untuk kegunaan anda yang meliputi lebih daripada 3,000 hotspot di Negeri Selangor. Program ini mampu merapatkan jurang digital dan memberi kuasa kepada penduduk di Negeri Selangor untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat semasa dan terkini.

**Cara daftar**

1. Hanya perlu mendaftar sebagai pengguna berdaftar *Wifi Smart Selangor* untuk perkhidmatan internet percuma. Hidupkan *Wifi* pada peranti dan pilih *WiFi Smart Selangor*. Daftar terus di Halaman Utama (*Landing Page*) *WiFi Smart Selangor* menggunakan borang atas talian atau melalui akaun **Facebook** atau **Twitter**.
2. Sambungan kepada *WiFi Smart Selangor* adalah automatik setiap kali peranti berada di *hotspot WiFi Smart Selangor*. Hanya perlu **Log In** untuk melayari internet menggunakan *WiFi Smart Selangor*.

Bertunjangkan agenda besar iaitu Hasil Negeri Untuk Rakyat. Inisiatif Peduli Rakyat diperkenalkan sebagai kaedah pengagihan semula kekayaan kepada rakyat.

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali,  
MENTERI BESAR SELANGOR

[www.facebook.com/smartselangor/](http://www.facebook.com/smartselangor/)

Untuk mendapatkan maklumat senarai Hotspot WiFi Smart Selangor. Sekiranya berlaku kerosakan, sila laporkan aduan di talian : 1-800-22-WIFI (9434)

Emel: [help@tm.com.my](mailto:help@tm.com.my) website: [wifismartselangor@mbiselangor.com](mailto:wifismartselangor@mbiselangor.com)

RUMAH

**selangorku**

*idaman*  
**PKNS**

# JEMPUTAN TERBUKA

## MAJLIS PECAH TANAH

### KAMPUNG SERI TEMENGGUNG, SELAYANG


Disempurnakan oleh

**YAB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali**

Dato' Menteri Besar Selangor

**17 April 2018**  
10.00 Pagi | Selasa



  Jalan Nenas, Taman Desa Indah,  
68100 Batu Caves, Selangor



▲ Amirudin Shari turun padang menyantuni dan mendengar permasalahan masyarakat setempat di DUN Sungai Tua dalam Program Santai Teh Tarik bersama mereka



▲ Dr Siti Mariah Mahmud turun padang berjumpa dan menyantuni mesyarakat setempat di kawasan Parlimen Kota Raja



▲ Hee Loy Sian turun padang menyantuni masyarakat setempat dalam Parlimen Petaling Jaya



▲ Hannah Yeoh turun padang melihat perkembangan membaik pulih Pangsapuri Good Year Court 2 di DUN Subang Jaya melalui Skim CERIA dan beberapa peruntukan lain daripada Kerajaan Negeri



▲ Haniza Talha turun padang menyampaikan taklimat Program Inisiatif Peduli Rakyat Selangor kepada masyarakat setempat di DUN Taman Medan



▲ Dr Daroyah Alwi menyantuni dan menyampaikan Kad Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) kepada penduduk setempat di DUN Sementa yang layak

▲ Shaari Sungib merasmikan Program Jati Diri & Qiamul-lail Rohani Apartment Sri Hijauan Ukay Perdana di DUN Hulu Klang



▲ Tiew Way Keng turun padang menyantuni masyarakat setempat yang hadir di Perasmian Stadium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)



Sebanyak 10 lagi PJ City Bus ditambah, menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan bas percuma itu sebanyak 32 termasuk dua bas elektrik dengan enam jenis laluan bas, sehingga kini.

**DATO' MOHD AZIZI MOHD ZAIN**  
Datuk Bandar Petaling Jaya

Pembangunan ekonomi, alam sekitar dan sosial

# Petaling Jaya ke arah *smart city*

OLEH SABIRAH AZIZ



Pelaksanaan projek PJ Smart City ini membabitkan pembinaan sebuah bangunan baharu pusat data utama iaitu PJ Smart Centre' pembinaan 11 mini Smart Centre melalui kerja ubah suai di jabatan dan pembangunan sistem aplikasi secara dashboard dengan lima sektor perkhidmatan bandar.

**DATO' MOHD AZIZI MOHD ZAIN**

**P**erancangan bandar yang inovatif pada masa kini menjadi keutamaan semua pihak dalam menyahut hasrat Kerajaan Negeri bagi menjadikan bandar di Selangor sebagai *Smart City*. Dalam usaha merealisikannya, semua aspek sentiasa diberi penekanan terutama daripada segi aktiviti pergerakan di bandar yang boleh memberi kesan kepada kewujudan bandar berdaya huni iaitu bandar sesuai, selamat dan selesa untuk didiami.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) juga tidak terkecuali dalam inisiatif mewujudkan *PJ Smart City* iaitu sebuah projek bandar pintar yang kini giat dibangunkan di bandar itu dan dirancang secara menyeluruh, mengambil kira keperluan semua pihak berkepentingan melalui penggunaan pelbagai landasan.

Datuk Bandarnya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain berkata, ia dilaksanakan secara meluas dan inovatif menggunakan landasan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang mengandungi maklumat setiap lokasi taburan program



Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ), *heat map* dan taburan aktif program mengikut kawasan seksyen serta zon ahli majlis.

"Penggunaan GIS dan teknologi maklumat ini dalam pengurusan bandar integrasi dapat memberikan keupayaan untuk mencerap data kritikal yang berkaitan dengan semua sektor perkhidmatan bandar.

"Ia merangkumi pembangunan ekonomi, alam sekitar dan sosial ke arah mewujudkan kehidupan lebih pintar dan mam-

pan demi masa hadapan yang lebih berkualiti.

"Pelaksanaan projek *PJ Smart City* ini membabitkan pembinaan sebuah bangunan baharu pusat data utama iaitu *PJ Smart Centre*, pembinaan 11 mini *Smart Centre* melalui kerja ubah suai di jabatan dan pembangunan sistem aplikasi secara *dashboard* dengan lima sektor perkhidmatan bandar," katanya kepada SelangorKini dalam temubual eksklusif, baru-baru ini.

Lima sektor perkhidmatan bandar itu meliputi *city planning and development, city community*

*development, city management and enforcement, city business dan city town services* yang menggunakan sistem aplikasi *dashboard* membabitkan 22 *dashboard* secara keseluruhan.

Bagi *Mini Smart Centre City Planning Workstation*, sebanyak 11 *dashboard* dibangunkan meliputi aspek perancangan penggunaan tanah (*landuse planning*), pengangkutan, kawalan pembangunan (*development control*), reka bentuk sejagat, bandar selamat, kerja komuniti (*citizen profile, citizen resources, PJ Pedia Citizen Awareness*) dan *Occupational Safety, Health and Environment (OSHE)*, manakala *mini smart centre* aduan membabitkan *i-Map* aduan.

**Tambah 10 PJ City Bus, galak guna perkhidmatan awam**

Kepesatan pembangunan di sekitar kawasan Petaling Jaya turut menyumbang kepada penambahan jumlah kenderaan di atas jalan utama, sekali gus mengakibatkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak.

Keadaan ini dilihat memberi tekanan kepada sistem trafik apabila jalan tidak dapat lagi menampung jumlah kenderaan yang semakin meningkat saban hari, disusuli dengan kedudukan Petaling Jaya yang terletak di antara bandar utama seperti Kuala Lumpur, Shah Alam, Subang dan Selangor.

Tahap penggunaan perkhidmatan awam juga rendah untuk semua jenis perjalanan hingga menyebabkan kebergantungan pengguna kepada kenderaan persendirian walaupun hanya ke kawasan yang memakan masa



**MBPJ mewujudkan pelbagai program dan aktiviti membabitkan komuniti setempat secara konsisten dan berterusan antaranya Program PPKPJ, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Program PJ Duta Bersih, Program Bangunan Ceria dan Pusat Aktiviti Penjana Pendapatan Komuniti Bandar.**

perjalanan singkat. Ekoran daripada faktor berkenaan, ia menjadi antara punca berlakunya masalah kesesakan lalu lintas, kekurangan tempat letak kenderaan, pencemaran udara dan kemalangan khususnya apabila jalan perumahan turut digunakan sebagai laluan pintas ke destinasi.

Justeru itu, masalah kesesakan lalu lintas turut menjadi keutamaan dalam merealisasikan sebuah bandar pintar atau *smart city* dan MBPJ sudah mengambil beberapa inisiatif bagi menangani masalah berkenaan.

Antara kaedah yang dilaksanakan adalah menyediakan bas percuma yang dikenali sebagai *PJ City Bus* iaitu perkhidmatan bas percuma dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di jalan utama di Petaling Jaya terutama pada waktu puncak.

Mula diperkenalkan sejak Mei 2014, perkhidmatan bas ini bertujuan menggalakkan masyarakat sekitar Petaling Jaya menaiki kenderaan awam dengan waktu operasi dari jam 6 pagi hingga 9 malam di kawasan awam, manakala laluan ke sekolah pula adalah pada jam 6.30 pagi dan 1 petang dengan sekali perjalanan sahaja.

Mohd Azizi berkata, tahun ini, sebanyak 10 lagi *PJ City Bus* ditambah, menjadikan jumlah keseluruhan perkhidmatan bas percuma itu sebanyak 32 termasuk dua bas elektrik dengan enam jenis laluan bas, sehingga kini.


"Bas ini juga dilengkapi dengan kemudahan wifi dan mesra orang kelainan upaya (OKU). Dengan penggunaan secara ke-

rap, ia dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, sekali gus membolehkan pengguna jalan raya menggunakan pengangkutan awam seperti bas, teksi, LRT, MRT, monorel, komuter atau keretapi.

"MBPJ juga amat menggalakkan orang ramai menggunakan basikal atau berjalan kaki ke tempat kerja atau destinasi lain kerana kesedaran ini dapat dipupuk melalui program seperti Hari Tanpa Kenderaan yang dianjurkan," katanya.

#### Tiga landasan *Learning Centre i-education*

MBPJ amat mementingkan gaya



hidup yang lebih bermanfaat kepada masyarakat terutama daripada segi pendidikan khusus kepada semua jenis golongan.

Dalam usaha melahirkan masyarakat berpendidikan, MBPJ kini mempunyai tiga pusat pembelajaran yang dikenali sebagai *Learning Centre i-education* iaitu *PJKita I-Play Park* Damansara Damai, *Smart Library* di Kampung Lindungan dan *PJKita Community Centre*.

MBPJ juga tidak ketinggalan mewujudkan pelbagai program dan aktiviti membabitkan komuniti setempat secara konsisten juga berterusan antaranya seperti program PPKPJ, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar,

**Masalah kesesakan lalu lintas turut menjadi keutamaan dalam merealisasikan sebuah bandar pintar atau smart city dan MBPJ sudah mengambil beberapa inisiatif bagi menangani masalah berkenaan**

**DATO' MOHD AZIZI MOHD ZAIN**

Program PJ Duta Bersih, Program Bangunan Ceria serta Pusat Aktiviti Penjana Pendapatan Komuniti Bandar.

PKKPJ yang dilancarkan baru-baru ini adalah sebahagian daripada *PJ Smart City* sebagai landasan dua hala bagi memantau tahap keberkesanan pelaksanaan pasukan keselamatan di kawasan kejiranan bagi menangani kes jenayah.

Berdasarkan statistik diperoleh oleh **Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)** di Petaling Jaya, ia menunjukkan penurunan kes jenayah dengan kadar peratus sebanyak 85.71 peratus.

Ia membuktikan bahawa program PPKPJ memberi impak positif terhadap keberkesanan program dan keselamatan kejiranan, di kawasan Petaling Jaya.

Semoga usaha MBPJ untuk mewujudkan bandar dan komuniti pintar dengan mengaplikasikan lima teras utamanya iaitu *A Clean, Green, Safe, Connected* juga *Happy City* berjaya dicapai dan mendapat kerjasama daripada semua pihak.

#### Petaling Jaya pada masa hadapan

Bagi tempoh tiga tahun akan datang, Mohd Azizi berkata, MBPJ akan terus mengorak langkah dalam menjadikan bandar raya ini sebagai peneraju daripada semua aspek supaya dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti atau masyarakat tempatan.

"Kami juga berharap semua penduduk di bandar ini sudah bersedia untuk melangkah ke fasa baharu melalui projek '*Smart City*' yang diaspirasikan Kerajaan Negeri.

"Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, MBPJ sudah menyahut hasrat itu dengan memulakan projek *Smart City* ini, sejak tahun lalu. Ia adalah gabungan *Internet of Things (IOT)* dengan elemen *Internet of People (IOP)* yang memfokuskan kepada pembentukan komuniti pintar.

"Elemen IOP ini ditentukan berdasarkan keutamaan sebenar masyarakat dan penduduk bandar raya Petaling Jaya. Di samping itu, sebuah *command centre* bersebelahan ibu pejabat MBPJ kini dalam proses untuk dibangunkan," katanya.

Melalui pembangunan ini, MBPJ akan melengkapkan 10 mini *command centre* iaitu yang pertama sudah diwujudkan di Jabatan Perancangan Pembangunan, manakala yang kedua di Jabatan Penguatkuasaan serta akan disusuli dengan jabatan lain.

Projek *Smart City* yang kini dilaksanakan juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa, selaras dengan kemajuan pembangunan teknologi, masa masa akan datang.





OLEH ARIFF MUSTAFFA HAMZAH

05.00 –

SIAPAKAH yang berjubah hitam aneh di lorong kecil itu? Seolah-olah sedang menanti dan memerhati sesuatu. Pandanganku dikembalikan ke laluan pejalan kaki yang dipenuhi manusia-manusia kota. Bagaikan peluru yang berkesiuran di padang perang, masing-masing bergerak laju menuju destinasi tersendiri sambil memikul beban generasi terdahulu di belakang.

Dompot kulit dipindahkan ke tangan kanan. Jam di pergelangan dilihat sekilas. Masih banyak masa. Ah, seorang budak kecil berpakaian sekolah nyaris melanggarku! Hampir sahaja ais krim coklatnya mengenai kemeja. Ibu budak kecil yang memimpin tangan anaknya segera meminta maaf. Aku kerutkan kening, memasamkan wajah supaya dia tahu kesalahan remeh itu tidak boleh diampunkan semudah ucapan maaf. Kaca mata hitam dibetulkan kedudukan dengan jari tengah. Langkah diteruskan. Aku mencelah dan menyusup di lalang keramaian.

Anak kecil itu mengembalikan ingatan aku ke usia kanak-kanak dahulu – bukan seperti anak kecil yang masih tersenyum selepas kesalahannya itu, tetapi sebagai seorang anak kecil yang terkurung di dalam sangkar. Jiwa dan minda terkong-kong dengan desakan semasa. Tiada ruang untuk aku nikmati hidup sebagai anak yang bebas. Ibu bapa terlalu memaksaku menjadi manusia sempurna, tetapi tidak pernah memayungkan kasih sayang kepada satu-satunya anak mereka. Sibuk dengan kerja yang tidak berkesudahan.

Cukuplah dengan itu. Hidup sememangnya penjara, tidak kira di takah usia mana manusia berada. Segalanya aku telah tinggalkan sebagai silam. Aku percepatkan langkah, menyusuri laluan pejalan kaki ke tempat yang dijanjikan.

## Perang Pertama

Di sini engkau berlari-lari ketika hari pertama aku melancarkan perang dalam lembaran sajakku.

Engkau mengangkat senjata lalu melaungkan:  
Akan kuperangi setiap patah kata yang menyatakan tentangan padaku

biarpun engkau tahu kebenaran tidak pernah menjadi peluru pada muncung senapangmu.

Sajakku adalah ratusan raung huruf yang bercantum melaung suara pada bibir yang beku pada bibirmu yang beku.

Muzaf Ahmad  
Skudai



Gumpalan awan sedikit membuncit di langit, menghibab sejenak wajah matahari.

04.00 –

AKU berdiri di tepi jalan bersama puluhan manusia pelbagai saiz, warna dan status. Lampu isyarat belum membenarkan para pejalan kaki melintas. Seperti kambing yang menanti arahan sang penggembala. Namun, ada juga beberapa ekor kambing yang tidak patuh, berlari deras di setiap kesempatan yang terhidang di atas jalan raya, disusuli bunyi bingit hon. Roda-roda kenderaan mengapungkan debu ke udara.

Di sebelah kiriku, berdiri sekumpulan remaja berfesyen kontemporari. Mereka berbual dalam bahasa bercampur-baur. Di hadapan, seorang gadis awal dua puluhan dengan tudung yang melilit batang tengkuk. Kepalanya ditundukkan. Jari-jemari gesit menaip pada skrin telefon. Di sebelah kanan pula, dua lelaki sedang berbicara tentang cuti semester yang bakal menjelang. Kedengarannya seperti mahasiswa universiti ternama.

Aku dikelilingi golongan muda remaja, tetapi keadaan ini sedikitpun tidak mengembalikan aku menjadi seperti dahulu. Aku terus terkenangkan United Kingdom serta pengalaman yang sempat dipungut selama beberapa tahun di situ. Suatu eskapisme daripada belunggu ibu bapa dan suasana masyarakat yang membusuk ketika itu.

Menanti perubahan warna pada lampu trafik sangat menyeksakan. Masa melebur begitu sahaja, melihat pergerakan kenderaan dan manusia yang melimpahi lorong dan jalan kota. Lampu bertukar hijau. Kenderaan beransur perlahan sebelum berhenti. Para pejalan kaki melintas. Sekilas terlihat lelaki berjubah aneh di antara orang ramai yang bersesakan itu, tetapi segera menghilang. Barangkali khayalan di tengah hari. Matahari akhirnya menerobos awan, memanah sinar tajamnya ke kulit bumi.

03.00 –

AKU melewati restoran makanan segera dan butik-butik berjenama antarabangsa. Dari kaca jernih yang melindungi, terpa-mer perhiasan mewah. Terdapat beberapa utas beg tangan dengan corak yang ele-

gan. Jujur aku tidak tahu apa sebenarnya cita rasa seorang wanita – tentang definisi kecantikan terhadap sesuatu.

Sedang aku mengimbas beg-beg itu, pantulan kaca memperlihatkan imej seorang lelaki korporat awal 40-an dengan pakaian berjenama. Kemeja buatan Eropah. Seluar hitam licin. Kasut kulit buaya. Cermin mata inspirasi selebriti Hollywood. Rambut tersisir rapi. Dilengkapkan dengan misai dan jambang yang dicukur kemas. Aku tersenyum keseorangan. Wajah ini selayaknya muncul di layar lebar sebagai watak utama. Wajah ini juga harus dikelilingi gadis-gadis jelita yang setia memuja.

Telefon bimbit berbunyi. Nada dering yang pastinya pendengar dapat mengenali jenama telefon yang dipakai. Tertera 'Nadia' di skrin. Butang hijau disentuh. Suara lembut wanita di hujung talian bertanya tentang keberadaanku.

"Sayang, sebentar lagi saya tiba," kataku. Panggilan ditamatkan. Langkah disambung menyusuri laluan sepanjang kompleks beli-belah itu. Hadiah apakah yang bermakna untuk diberikan sempena hari lahirnya tidak lama lagi? Beg tangan itu? Tidak, itu kesukaan Jane. Rantai? Kasut? Pakaian? Aku terlupa kegilaan itu harus dipadankan kepada siapa antara Lynn, Alicia dan Tasya. Matahari jelas tersembul di langit.

02.00 –

40 tahun merupakan permulaan kehidupan – teringat aku kepada kenyataan yang entah daripada siapa. Pada usia ini, aku telah miliki segala-gala. Setelah beberapa siri perkahwinan dan perceraian, kini perkara itu tidak lagi mengganggu emosi. Aku tidak lagi perlukan perempuan sebagai tulang belakang. Bagiku, perempuan hanyalah persinggahan, bukanlah untuk berkampung selamanya. Ikatan yang kekal membunuh perjalanan karier, menutup setiap liang kebebasan.

Aku memperlakukan langkah dan menoleh. Sebongkah bangunan tinggi menjulang. Bibirku melengkungkan senyuman bangga melihat simbol kejayaan itu. Siapa sangka, dalam tempoh yang singkat aku miliki perusahaan besar. Menjadi salah seorang kapitalis yang menyerabuti dunia kini.

Sebuah kereta mewah berwarna merah meluncur di hadapanku. Hati segera tertawan. Aku mencongak-congak harganya di dalam kepala. Nanti jika ada masa terluang, aku ingin kunjungi pusat jualan kereta kegemaran di bahagian utara kota. Koleksi kereta di rumah perlu ditambah.

01.00 –

AH, lampu isyarat lagi. Entah berapa ribu lampu isyarat yang terpacak di kota ini. Menyesal pula tidak memandu kereta ke restoran yang dijanjikan. Aku memilih untuk berjalan kaki sahaja memandangkan jaraknya dengan syarikat tidaklah terlalu jauh. Kononnya untuk kesihatan.

Tangan diseluk ke dalam saku. Peluh mengalir di dahi. Aneh, tubuh terasa dingin dalam cuaca yang memanggag begini. Pandangan dibuang ke sekitar demi membunuh waktu yang tersia-sia di pinggir jalan. Skrin mega memaparkan model jelita sedang mempromosikan produk kecantikan yang mampu menunda penuaan. Tua – aku sebolehnya tidak mahu mendengar perkataan itu. Tua ialah simbol kematian. Aku belum bersedia untuk itu.

Di seberang jalan, lelaki misteri berjubah tadi tajam memandang ke arahku. Peluh semakin menguyupi tubuh. Dia menghampiri. Kenderaan yang silih berselisih di jalanan langsung tidak merempuhnyanya. Aku memandang manusia lain di sekeliling. Tidakkah mereka sedar tentangnya?

Semakin dia rapat, semakin dadaku terasa ditikam ribuan bilah pedang. Jantung seakan ingin meletup. Aku menekan-nekan rusuk. Kesakitan apakah ini? Pedihnya memanjat ke kerongkong. Nafas tersangkut. Aku rebah ke tanah, menggelepar menahan kesakitan yang amat. Orang ramai terkejut melihat tingkah lakuku. Beberapa orang mengerumuni untuk membantu, tetapi tiada apa yang boleh dilakukan. Kesakitan mengakar ke hujung kepala. Sekitarku menjadi retak, suara tidak lagi kedengaran. Lelaki berjubah itu berdiri di hadapan. Dia mengambil sesuatu dari ubun-ubunku.

00.00 –

MATAHARI sejengkal dari tengkorak. Aku ingin pulang, Tuhan.

OLEH NORHAYATI UMOR

Apa peranan masyarakat?

# Khidmat doula risikokan ibu dan bayi

Peratus kelahiran tidak selamat kini menurun daripada 24.8 peratus pada 1990 kepada 1.7 peratus pada 2012 dan 0.42 peratus, pada 2016.

Kadar kelahiran selamat dulunya pernah mencecah 98 peratus, namun arah aliran itu semakin membimbangkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, salah satu punca terdapat peningkatan pola kelahiran tidak selamat itu ialah berkait dengan individu atau kumpulan yang dikenali sebagai 'doula' atau peneman kelahiran.

Katanya, kadar kelahiran tidak selamat berkaitan dengan advokasi *pro-natural birthing* atau *gentle birthing*.

"Sepanjang tahun lalu, di Johor ada 58 kes yang didaftarkan sebagai kelahiran tidak selamat dengan lima daripadanya adalah kelahiran di rumah yang berkaitan doula.

"Lebih merisaukan, dua daripada kes itu adalah berisiko tinggi yang memerlukan kelahiran di hospital, namun memilih untuk bersalin di rumah selepas dihasut pihak tertentu," katanya.



## Apa itu Doula?

Perkataan doula itu sendiri berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud 'hamba wanita'.

Golongan ini wujud berabad lamanya dan dikatakan mampu memberikan pengalaman positif kepada ibu yang hamil serta bakal bersalin.

Penjelasan American Pregnancy Organization, doula adalah seorang pelatih profesional yang membantu memberikan sokongan daripada segi emosi dan pendidikan contohnya ilmu kehamilan, cara meneran dan bernafas serta fizikal seperti sentuhan juga urutan kepada ibu hamil, akan bersalin selain sudah bersalin.

Terdapat tiga jenis doula iaitu *doula antepartum*, *doula labor*, dan *doula postpartum*.

*Doula antepartum* membantu memberi ilmu kehamilan dan mengajar cara bersalin kepada ibu mengandung.

*Doula labor* pula berada di sisi ibu ketika bersalin. Manakala, *doula postpartum* akan berada di sisi ibu selepas bersalin dan membantu dalam hal penjagaan bayi serta penyusuan.

Malah, ada juga *doula postpartum* yang membantu daripada segi penjagaan ibu dan pengurusan kerja rumah.

## Doula bukan bidan menimbulkan masalah

Bidan kampung pada satu ketika dahulu memainkan peranan ini. Selepas pekeliling yang dikeluarkan oleh KKM, bidan ini diberi pengiktirafan membantu ibu hamil dan juga pihak kesihatan bagi melicinkan lagi urusan bersalin.

Sehingga kini, bidan kampung memberikan kerjasama penuh kepada KKM bagi memastikan kelahiran yang selamat buat si ibu.

Pakar Perubatan Keluarga, Dr Suhazeli Abdullah berkata, doula kini menggelarkan diri mereka 'guru bersalin' dan mengambil alih tugas profesional pihak kesihatan dalam pengendalian ibu hamil.

Katanya, ajaran mereka lebih kepada menghindari pihak hospital, tidak meng-

gunakan khidmat keparakan, tidak mengambil vaksin dan beberapa nasihat bersalin dengan cara membahayakan.

"Kebanyakan penyokong doula ini adalah penjual jamu dan produk kesihatan tidak berdaftar.

"Kononnya, mereka mengikut perkembangan zaman maju yang sudah lama mengamalkan kelahiran seperti ini. Namun, tangan mengendali kelahiran di rumah tidak mahu memikul tanggungjawab sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata, kehadiran doula ketika proses kelahiran di negara ini menimbulkan masalah.

"Mereka bukan lagi membantu ibu bersalin dengan tenang tetapi daripada pemerhatian, peranan mereka sudah melampaui batas kerana seolah mengambil alih tanggungjawab doktor, jururawat dan bidan bertauliah," katanya.

## Gesa pihak berwajib tangani segera

Katanya, isu bersalin di rumah tanpa pengawasan bidan terlatih sehingga menyebabkan kematian adalah serius dan perlu ditangani segera.

"Saya menggesa, pihak berwajib memanggil semua pihak dalam pengurusan kes bersalin dan berbincang bagi menangani peningkatan insiden kelahiran tidak selamat.

"Saya meminta pihak berwajib mengambil tindakan tegas kepada pihak berkenaan yang sengaja menghasut ibu bapa bersalin di rumah secara lotus atau menjalankan aktiviti amalan tertentu tanpa pengawasan rapi anggota perbidanan bertauliah," katanya.

Undang-undang mengawal selia amalan perbidanan, Akta Bidan 1966 [Akta 436] menyatakan iaitu selain daripada doktor, hanya anggota kesihatan terlatih dalam bidang perbidanan dan berdaftar dengan Lembaga Bidan Malaysia sahaja yang boleh mengendalikan kelahiran.

Subseksyen 14(1) Akta 436 memperuntukkan mana-mana individu yang mengamalkan amalan perbidanan tanpa pendaftaran mengikut akta itu adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara

tidak lebih satu tahun atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan.

Namun, peruntukan kesalahan mengikut Akta 436 itu tidak mempunyai peruntukan penguatkuasaan dan biasanya ia dikuatkuasakan oleh polis.

Dalam hal ini, kerjasama polis untuk menjalankan siasatan terperinci serta mengambil keterangan semua pihak adalah diperlukan.

Jika berlaku komplikasi dan kematian, waris atau wanita yang melahirkan itu sendiri boleh mempertimbangkan tuntutan sivil di mahkamah terhadap doula jika terdapat bukti komplikasi atau kematian akibat tindakan atau kelakuan doula' terbabit.

Manakala, masyarakat termasuk anggota kesihatan yang mempunyai bukti pembabitan mana-mana individu mengendalikan kelahiran tanpa tauliah termasuk doula, suami atau ahli keluarga kepada ibu mengandung itu perlu tampil membuat laporan polis.

## Sikap idealis, cerewet punca pilih jalan alternatif

Pakar Perunding Kanan Obstetrik dan Ginekologi (O&G), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Prof Madya Dr Nur Azura Abd Ghani berpendapat, sikap terlalu idealis, cerewet dan memandang rendah terhadap sistem rawatan serta perubatan menjadi faktor memilih jalan alternatif untuk melahirkan anak mereka sendiri menggunakan khidmat doula.

Malah, lebih mengejutkan, ada di antara ibu terbabit terdiri dalam kalangan berpendidikan tinggi, sekali gus merasakan diri lebih arif dan bijak selepas menelaah maklumat daripada internet serta media sosial.

Pegawai Perubatan Kanan Pusat Latihan Rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Letenan Kolonel Dr Rusyainie Ramli berkata, wujud kelompok doula menyebarkan cerita tidak benar berhubung proses melahirkan anak, di hospital.

"Terdapat doula di Malaysia yang diked-

nal pasti membawa fahaman sesat sehingga mempengaruhi ibu bersalin di rumah tanpa pengawasan individu bertauliah.

"Keadaan ini amat dikhuatiri kerana proses kelahiran itu sendiri ada risiko. Di Malaysia, tiada undang-undang yang memantau pergerakan doula. Maka, mereka sesuka hati menganjurkan kursus atau program secara bebas.

"Saya bersama ahli Medical Mythbusters Malaysia memandang serius isu ini dan kami secara berterusan berusaha menyekat pergerakan doula yang membawa fahaman sesat," katanya.

## Malaysia lebih ekstrem?

Kementerian Kesihatan menyifatkan, amalan doula di negara ini lebih ekstrem berbanding luar negara apabila sanggup menasihati wanita yang mengandung bersalin di rumah tanpa mengira risiko dihadapi.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, terdapat juga dalam kalangan doula di negara ini mengaitkan amalan itu dengan agama seperti ketika Mariam melahirkan Nabi Isa.

"Jika di luar negara seperti Amerika Syarikat, amalan doula ini tidak sampai kepada peringkat menasihati ibu bersalin di rumah atau dalam bahaya.

"Namun, di negara ini, mereka lebih ekstrem apabila menasihati ibu bersalin di rumah walaupun tidak mengetahui keadaan ibu terbabit, sama ada berisiko tinggi atau tidak.

"Mereka pandai bercakap dan akhirnya ibu ini terpengaruh dan melahirkan bayi, di rumah," katanya ketika menjawab soalan Shamsul Iskandar Mohd Akin (PKR-Bukit Katil) berhubung amalan doula ketika persidangan Dewan Rakyat, baru-baru ini.

## Apa kata mufti?

Memastikan nyawa bayi yang hendak dilahirkan terjamin adalah perkara pertama yang perlu diutamakan seorang ibu berbanding menjaga auratnya.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, perkhidmatan doula tanpa pemerhatian doktor atau bidan terlatih tidak dibenarkan.

Katanya, tidak timbul isu aurat jika ia dijadikan alasan untuk tidak mahu melahirkan anak di hospital kerana banyak yang menyediakan seluar mesra aurat.

"Semua pihak perlu faham bahawa nyawa adalah jauh lebih penting daripada segi masalah berbanding aurat dalam situasi itu.

"Sikap meyakini bahawa melahirkan anak di rumah untuk mencontohi Siti Maryam adalah tidak benar sama sekali kerana kejadian itu atas kehendak Allah SWT untuk membuktikan kekuasaanNya," katanya.



OLEH HAFIZAN TAIB

Realisasi gagasan Smart Selangor

# Pasar MPAJ Kuala Ampang moden

**KUALA LUMPUR** - Pembangunan pasar Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) baharu di Kuala Ampang, di sini, dilengkapi kemudahan moden selaras hasrat Kerajaan Negeri menjayakan agenda Smart Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pasar yang dibina dengan kos RM3.7 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri melalui MPAJ itu bagi menggantikan pasar lama yang dibina, kira-kira 30 tahun lalu.

"Ia dibangunkan dengan teknologi hijau untuk menjamin kebersihan dan memberi ruang lebih selesa kepada peniaga juga pengunjung.

"Antara kemudahan baharu disediakan ialah *Waste Water Treatment Plant (WWTP)* juga *Stationary Refuse Compactor (SRC)* dan ia selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangunkan Selangor sebagai *smart state*," katanya.

Beliau berkata, melalui sistem WWTP dan SRC, operasi di pasar itu menjadi lebih sempurna serta menjimatkan kerana air sisa pasar dan sampah yang dibuang diproses terlebih

la dibangunkan dengan teknologi hijau untuk menjamin kebersihan dan memberi ruang lebih selesa kepada peniaga juga pengunjung

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

dahulu sebelum dipindah keluar.

Katanya, Kerajaan Negeri berharap kemudahan moden disediakan itu memberi kesesuaian kepada 59 peniaga dan pengunjung, di pasar berkenaan.

"Saya melihat, ia satu keperluan mendesak dan gembira kerana sudah disiapkan," katanya.



Mohamed Azmin beramah mesra dengan peniaga di Pasar MPAJ, Kuala Ampang



Noraini sempat melakukan lawatan di beberapa griha pameran ketika merasmikan Konvensyen Generasi Bestari 2018 (Smart Gen), di Summit USJ

## Sasar 30 bandar terbaik dunia 2030

**SUBANG JAYA** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mensasarkan untuk menjadi Perbandaran Hijau Lestari dan muncul antara 30 bandar terbaik, menjelang 2030.

Yang Dipertuannya, Noraini Roslan berkata, bagaimanapun rancangan dalam tempoh 12 tahun itu berisiko terjejas ekoran pemikiran kelas ketiga yang menjadi penghalang utama.

"Bagi mengatasinya, MPSJ melaksanakan transformasi minda di peringkat persekolahan, bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah daripada rebungnya'.

"Kami yakin golongan pelajar boleh dipupuk mindanya, sekali gus menjayakan sasaran MPSJ, menjelang 2030," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Generasi Bestari 2018

(Smart Gen), di Summit USJ, pada 10 April lalu.

Konvensyen disertai 56 sekolah itu diadakan bagi mengupaya golongan pelajar sebagai agen perubahan generasi akan datang.

Noraini berkata, konvensyen itu menyediakan landasan buat guru dan pelajar mendapatkan ilmu pengetahuan berhubung pelaksanaan projek dan aktiviti Generasi Bestari 2018.

"Melalui program ini, MPSJ mahu mereka berada dalam persekitaran baru sehingga menghasilkan impak positif.

"Bila minda mereka terdidik, maka belanjawan mengatasi masalah sampah dapat dikurangkan seterusnya kita dapat memfokuskan belanjawan ke arah bandar terbaik, pada 2030," katanya.

## RM30,000 jayakan Shah Alam Trees For Life

**SUNGAI BULOH** - Projek Lintasan Kota Holdings (Prolintas) menyumbangkan RM30,000 kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi menjayakan program penanaman pokok *Shah Alam Trees For Life* pertama, untuk tahun ini.

Pengerusi Program Trees For Life, V Papparaidu berkata, program kerjasama itu bagi menghijaukan landskap bandar raya Shah Alam.

Katanya, sebanyak 2,000 pokok di tanam di sekitar kawasan hijau Taman Rekreasi Sungai Buloh, Seksyen U20, pada 7 April lalu.

"Antara jenis pokok ditanam adalah 500 daripada jenis *Cassia Fistula*, *Tabebuia Rosea*, *Lagerstromia Langkawienensis*, *Syzygium Oleana*, *Mangifera Indica*, *Nephellum Lappaceum* *Annona Muriicata*, *Gnetum Gneman*, *Citrus Hystrix*.

"Selain itu 1,500 pokok lagi adalah

jenis pokok renek," katanya yang mewakili Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Beliau yang juga Ahli Majlis MBSA Zon 14 berkata, program itu membabitkan penyertaan 350 peserta yang terdiri daripada 100 warga kerja Prolintas, badan bukan kerajaan seperti Eco-Warriors, MSU, Sekolah Kebangsaan Subang Bestari 2 serta Persatuan Penduduk Sungai Buloh.

Sementara itu, Pengurus Kanan Prolintas, Harris Abdullah berkata, itu adalah kerjasama kali keempat bersama MBSA dan pihaknya berhasrat untuk meneruskan jalinan itu, pada masa hadapan.

"Kerjasama ini adalah komitmen untuk menjadikan Shah Alam bandar raya rendah karbon, menjelang 2030," katanya.



Prolintas komited merealisasikan matlamat MBSA melahirkan sebuah bandar rendah karbon menerusi *Shah Alam Trees For Life*



MBPJ-SSDU kolaborasi bangun sistem

# Smart Selangor Parking bermula 1 Mei

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) melaksanakan tempoh percubaan Sistem Parkir dan Kompaun Berintegrasi *Smart Selangor Parking* (SSP), bermula 1 Mei ini.

Datuk Bandarnya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain berkata, sistem SSP itu dilaksanakan bertujuan memudahkan pengurusan kawalan letak kereta dan kaedah alternatif bayaran caj letak kereta kepada pengguna awam, selain Sistem Letak Kereta Berkupon.

Katanya, melalui sistem itu, pengguna boleh membuat tambah nilai ke dalam satu akaun

dalam talian menerusi aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan untuk membayar caj letak kereta dan kompaun letak kereta.

"Pengguna letak kereta diberi pilihan menggunakan kaedah bayaran.

"Kaedah itu antaranya, pembayaran elektronik menggunakan aplikasi pada telefon pintar atau pembayaran melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) menerusi aplikasi SSP," katanya.

Mohd Azizi berkata SSP dimulakan di kawasan Letak Kereta *On-Street* Dataran Sunway, PJU 5, Kota Damansara, Petaling Jaya, berkuatkuasa, sehingga 31 Mei ini.

Pada masa sama, katanya, pelaksanaan sistem itu tidak akan

membabitkan sebarang perubahan kadar caj letak kereta seperti dikuatkuasakan, di Petaling Jaya, ketika ini.

Aplikasi SSP dijangka boleh dimuat turun bermula 23 April ini dan akan diumumkan kepada orang ramai melalui media sosial rasmi MBPJ seperti di Facebook, Twitter dan Instagram serta laman sesawang rasmi [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

Ia boleh dimuat turun di *Apple AppStore* dan *Google Playstore*.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung pelaksanaan tempoh percubaan SSP, sila hubungi Jabatan Perbandaraan MBPJ, di talian 03-7956 3544 sambungan 145, 138 atau 132.

## Beri maklum balas Rancangan Tempatan MPKj 2035

**KAJANG** - Orang ramai digalakkan memberi maklum balas dan pandangan berkaitan cadangan Rancangan Tempatan (RT) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 2035 (Penggantian) yang mula dilancarkan, pada 5 April lalu.

Yang Dipertuanya, Mohd Sayuthi Bakar berkata, pandangan boleh dibuat melalui pelbagai medium seperti memuat turun aplikasi RTMPKj2035 di telefon pintar yang boleh didapati di Google Playstore.

"Jika mempunyai bantahan, cadangan dan pandangan, ia boleh dipanjangkan kepada MPKj dengan mengisi borang bantahan awam yang disediakan di kaunter pemeriksaan serta aplikasi RTMPKj2035 juga boleh dihantar melalui serahan tangan, pos, faks atau e-mel ke [rtmpkj2035@mpkj.gov.my](mailto:rtmpkj2035@mpkj.gov.my).

"Hebahan berkenaan program publisiti ini juga dihebahkan melalui notis akhbar, laman sesawang MPKj, Plan Malaysia dan Plan Malaysia @ Selangor. MPKj juga menyediakan *banner*, poster

dan *bunting* yang dipasang, di seluruh kawasan MPKj," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan MPKj 2035 (Penggantian).

Melalui program itu, diadakan pameran berkenaan RT MPKj 2035 yang berlangsung sebulan hingga 4 Mei ini, manakala kaunter pemeriksaan akan dibuka setiap hari bekerja, pada jam 9 pagi hingga 4.30 petang.

Mohd Sayuthi berkata, orang ramai boleh membuat semakan di aplikasi RTMPKj2035 dan kaunter pemeriksaan di lobi MPKj dan Plan Malaysia @ Selangor (JPBD Selangor), Tingkat 16, Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam.

"Diharapkan orang awam seperti pemilik tanah, pemaju hartanah, golongan profesional dan organisasi bukan kerajaan (NGO) membabitkan diri dalam memberikan pandangan serta maklum balas terhadap cadangan MPKj," katanya.



Mohd Sayuthi merasmikan program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan MPKj 2035 (Penggantian), pada 5 April lalu.

## MDSB akui aduan sampah haram berkurang

**SHAH ALAM** - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mengakui aduan isu longgokan sampah haram berkurangan apabila perkhidmatan kutipan sampah di kampung tradisi dilaksanakan, sejak Disember tahun lalu.

Penolong Pegawai Komunikasi Korporatnya, Noraini Ahmad berkata, pada tahun ini sahaja, hanya dua aduan berhubung sampah haram di kawasan itu dibuat.

Katanya, MDSB menyediakan lebih 100 tong sampah di kampung tradisi membabitkan empat kawasan dengan pecahan tujuh zon bagi kemudahan penduduk membuang sampah.

"Empat kawasan itu adalah di Sekinchan, Sungai Besar, Sabak dan Sungai Air Tawar.

"Perkhidmatan kutipan sampah do-

mestik di semua kawasan itu pula dilaksanakan, setiap hari.

"Bagaimanapun, kutipan sampah pulak, kebun dan perabot pula dilaksanakan seminggu sekali iaitu empat kali sebulan," katanya.

Noraini memaklumkan, pelaksanaan kutipan itu selaras dengan arahan Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menguruskan perkhidmatan kutipan sampah di semua kawasan PBT termasuk di kampung tradisi mengikut garis panduan ditetapkan.

"Secara tidak langsung, ia dapat mengurangkan aduan sampah haram di kampung tradisi selain meningkatkan tahap kualiti kehidupan di luar bandar dengan pengurusan sisa pepejal yang baik," katanya.





Perkukuh institusi pendidikan Islam

# RM29 juta bina MITS Pandan

OLEH AFIX REDZUAN

**PANDAN INDAH** - Kerajaan Negeri terus memperkukuh institusi pendidikan aliran agama Islam dengan penubuhan sebuah lagi Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS) Pandan, daerah Hulu Langat.

Bersebelahan Masjid Al-Azim Pandan Indah, MITS itu dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 7.4 ekar dengan kos pembangunan ditampung sepenuhnya Kerajaan Negeri berjumlah RM29 juta.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, permintaan kemasukan pelajar ke dalam bidang aliran agama semakin meningkat dan Kerajaan Negeri sedaya upaya memenuhi keperluan itu dengan matlamat melahirkan modal insan berkualiti.

"Pendidikan aliran agama kini mendapat permintaan yang semakin tinggi.

"Maahad integrasi turut menyumbang kepada pembangunan modal insan dalam melahirkan individu berketerampilan bagi menghadapi ujian getir masa kini.

"Saya harap MITS dapat menyuntik dinamik baru kerana bagi kita (Kerajaan Negeri), sektor pendidikan adalah sebuah pelaburan penting," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pecah Tanah MITS Pandan, pada 8 April lalu.

Hadir sama Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor, Datuk Ir Ruslan Abdul Aziz.

Sementara itu, Ir Ruslan dalam taklimatnya berkata, komponen MITS ini terdiri daripada



Mohamed Azmin ditemani Ir Ruslan melihat pelan pembangunan MITS Pandan

blok akademik dan pentadbiran empat tingkat, blok asrama perempuan tiga tingkat, asrama lelaki tiga tempat dan sebuah dewan makan serta blok sokongan.

"Objektif utama pembangunan projek ini adalah bagi menyediakan kemudahan prasarana kepada pelajar dan pengajar serta kakitangan supaya proses pembelajaran dan pengajaran dapat

berjalan dengan selesa.

"Ini selaras dengan matlamat melahirkan golongan da'i, ulama dan umara' yang mahir dalam bidang sains serta teknologi," katanya.

Beliau berkata, projek itu dijangka siap dalam tempoh 130 minggu dengan tarikh siap semasa, pada 21 Mei 2020.

Pada majlis sama, Mohamed Azmin

turut menyampaikan sumbangan bantuan pembangunan dan baik pulih masjid, surau serta madrasah.

Sumbangan hampir RM300,000 kepada enam institusi itu diberikan menerusi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), manakala Pembedaan Menteri Besar (MBI) turut menyalurkan sumbangan RM500,000 kepada 10 masjid bagi daerah Hulu Langat.

## Terjemahan ke bahasa asing diperhebat Siap sedia hadapi Revolusi Perindustrian 4.0

**SHAH ALAM** - Penerbitan artikel jurnal daripada bahasa Malaysia kepada bahasa asing dianggap signifikan dan harus dipertingkatkan terutama jika penulisan berkaitan Islam dan Warisan.

Timbalan Ketua Pegawai Operasi KUISCELL, Don Daniyal Don Biyajid berkata, negara perlu aktif menggerakkan aktiviti penterjemahan dengan lebih pantas memandangkan karya penterjemahan yang dihasilkan buat masa ini agak perlahan berbanding negara maju.

"Pelan tindakan ini wajar dilaksanakan supaya kita dapat menggalakkan lebih ramai pembaca dengan menjadikan jurnal sebagai sumber rujukan.

"Tambahan pula, selain menarik pembaca yang bukan sahaja terdiri daripada golongan tempatan, kita mahu mengetengahkan karya penulis ke seantero dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran Jur-

nal Hal Ehwal dan Warisan Selangor, di Foyer SUK, baru-baru ini.

Don Daniyal berkata, salah satu strategi yang harus diberi perhatian serius adalah melalui penterjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Perancis.

"Kalau kita terus menghasilkan karya dalam satu bahasa sahaja tanpa ada inisiatif untuk menterjemah penulisan terabit, maka negara akan berada ditakuk lama.

"Sebaliknya, penulis artikel Islam dan warisan memerlukan landasan mengembangkan kredibiliti penulisan mereka supaya orang ramai berminat mengkaji khazanah warisan dan peninggalan negara.

"Misalnya, tengkolok, butang baju melayu, poket baju Melayu dan tarian zapin," katanya.

Pada masa sama, kata Don Daniyal, penterjemahan pula harus menepati citarasa pembaca yang segelintirnya mempunyai latar belakang budaya dan pendidikan berbeza serta menekankan aspek penggunaan gaya bahasa yang betul juga berkualiti.

Terdahulu, KUISCELL adalah peneraju industri penerbitan yang menyusun atur, mereka serta menerbitkan Jurnal Hal Ehwal dan WarisanSelangorselainberperanan menyalurkan pengetahuan pendidikan dan informasi Islamik melalui buku serta memartabatkan pengetahuan aqli juga naqli.



Don Daniyal memegang Jurnal Hal Ehwal dan Warisan Selangor ketika majlis pelancaran naskah itu di Foyer SUK, pada 29 Mac lalu

**SHAH ALAM** - Revolusi Perindustrian 4.0 yang menggabungkan pelbagai teknologi baru bakal memberikan kesan kepada cara kehidupan masyarakat, pada masa hadapan.

Pengarah Kanan Nasional dan Penglibatan Strategik MIMOS Berhad, Mohd Mirza Mohamed Noor berkata, revolusi keempat itu akan lebih memfokuskan kepada teknologi robot, dan *Internet of Things* (IoT) bukan sahaja merevolusi perniagaan serta perkhidmatan tetapi hampir semua aspek kehidupan.

"Pada masa akan datang, kita memiliki sebuah bandar pintar (*Smart City*) dengan proses automasi hasil bantuan perisian.

"Industri ini juga bakal meningkatkan kecekapan pengurusan dan sistem penyampaian kerana semua urusan dijalankan secara digital termasuk dalam keselamatan penjagaan rumah apabila kita ada sistem yang boleh memberi maklumat dengan cepat terus kepada kita juga polis jika berlaku sebarang kejadian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan forum dalam Karnival STEM Education for the 4th Industrial Revolution di Da Men

Hall Subang Jaya, pada 6 April lalu.

Karnival berlangsung selama tiga hari sempena Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Selangor 2018.

Sekurang-kurangnya 40 booth daripada pelbagai organisasi termasuk universiti, pertubuhan profesional, syarikat swasta serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Karnival itu juga salah satu inisiatif dalam menerapkan pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) kepada pelajar bermula di peringkat sekolah untuk meneruskan era ekonomi digital dan Revolusi Perindustrian 4.0.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Selangor sedia menjadi perintis Revolusi Perindustrian 4.0 sebagai paradigma baru ekonomi selaras gagasan *Smart State*.

Katanya, ekonomi negara perlu mendapat suntikan baru melalui ekonomi berteraskan penguasaan teknologi tinggi melalui inisiatif pendidikan untuk membawa modul pendidikan TVET ke dalam arus perdana pendidikan negara.

Terima kasih pembayar zakat

# LZS kutip RM750 juta sepanjang 2017



OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mencatatkan kutipan zakat RM750 juta membabitkan 250,000 pembayar zakat di negeri itu, sepanjang 2017.

Ketua Pegawai Penyelarasnya, Abdul Basith Hamid berkata, secara keseluruhan lebih 40 peratus atau lebih RM300 juta kutipan zakat tahunan melalui kaedah Skim Berkat atau potongan gaji.

Katanya, kaedah zakat melalui potongan gaji terbukti berkesan serta memudahkan urusan pengeluaran zakat.

"Kejayaan itu juga dicapai melalui kerjasama pelbagai pihak melalui zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat wang simpanan, zakat harta, zakat fitrah, zakat saham, zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), zakat tanaman, zakat

emas, zakat ternakan dan zakat perak," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penghargaan LZS 2017 di Hotel Grand Bluewave, di sini, pada 6 April lalu.

Katanya, setiap tahun LZS menerbitkan laporan prestasi kutipan dan agihan zakat dalam bentuk penerbitan bercetak di akhbar utama bagi mengelakkan persepsi ketidaktelusan agihan zakat.

Beliau berkata, LZS juga sentiasa membuka pintu kepada masyarakat Islam di negeri itu untuk memberi maklum balas bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya.

"Bagi mengelakkan berlaku sebarang keciciran, LZS mewujudkan pelbagai mekanisme serta saluran menjejaki asnaf yang memerlukan bantuan," katanya.

## Agih RM323 juta kepada penerima zakat

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM323 juta diagihkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada penerima zakat di negeri itu, sepanjang 2017.

Ketua Pegawai Penyelaras LZS, Abdul Basith Hamid berkata, agihan itu membabitkan sembilan golongan penerima terdiri daripada asnaf fakir dan miskin, muallaf, fisabillah serta gharim.

"RM75.1 juta diagihkan untuk bantuan kewangan dan makanan bulanan asnaf fakir miskin, manakala RM57.6 juta untuk bantuan keperluan pendidikan membabitkan yuran persekolahan tadika, rendah serta menengah.

"Manakala RM52.7 juta bantuan umum pelajaran, dermasiswa dan biasiswa membabitkan 5,000 penerima serta RM42.2 juta untuk bantuan bina, baik pulih juga sewa rumah," katanya.

Beliau berkata, RM29.4 juta lagi diperuntukkan bagi bantuan dialisis membabitkan 2,800 penerima, sementara RM28.1 juta (elaun guru kelas fardhu ain) dan RM28.9 juta (bantuan perubatan).



Pertandingan Nasyid Kamil Menengah Selangor anjuran JAIS terus mendapat sambutan sekolah serata negeri

## Nasyid medan dakwah

**SHAH ALAM** - Sekurang-kurangnya 27 sekolah serata negeri menyertai Pertandingan Nasyid Kamil Menengah Selangor anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai medan dakwah melalui seni bidang suara.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Islam JAIS, Anas Ayob berkata, nasyid juga memainkan peranan besar dalam dakwah Islam.

Katanya, program anjuran Jawatankuasa Teknikal Nasyid Kamil, Unit Pembangunan Kemajuan, BPI JAIS itu melakukan transformasi dalam memposisikan ia sebagai program kokurikulum

dakwah utama dalam bidang kesenian Islam, peringkat negeri itu.

"Nasyid boleh menjadi satu gelombang besar mendidik dan mengajak manusia kembali kepada tauhid kemanusiaan serta melihat kebesaran Allah SWT.

"Melalui lirik disampaikan, secara tidak langsung dapat menyampaikan keindahan Islam kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pertandingan Saringan Nasyid Kamil Selangor, di Dewan Pro Canselor UNISEL, baru-baru ini.

Pertandingan itu disertai 54 kumpulan nasyid dari Maahad In-

tegrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITST), Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) dan Sekolah Agama Menengah (SAM).

Melalui saringan itu, lapan kumpulan nasyid lelaki dan perempuan berentap di peringkat akhir Karnival Nasyid Kamil Selangor yang bakal berlangsung, di MITS Klang, Alam Impian, pada 27 dan 29 April ini.

Empat kumpulan nasyid perempuan berjaya ke peringkat akhir adalah SAMT Tengku Ampuan Jemaah Shah Alam, SAMT Tengku Ampuan Rahimah, SAMT Sultan Hisamuddin Kampung Jawa dan SAM Nurul Iman.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
12 - 18 APRIL 2018							
25 REJAB - 2 SYAABAN 1439H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	5:42	5:52	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31
13 Jumaat	5:42	5:52	7:07	1:17	4:26	7:21	8:31
14 Sabtu	5:41	5:51	7:07	1:16	4:26	7:21	8:31
15 Ahad	5:41	5:51	7:07	1:16	4:27	7:21	8:31
16 Isnin	5:41	5:51	7:06	1:16	4:27	7:21	8:31
17 Selasa	5:40	5:50	7:06	1:16	4:27	7:21	8:31
18 Rabu	5:40	5:50	7:06	1:15	4:27	7:21	8:31
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	5:44	5:54	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34
13 Jumaat	5:44	5:54	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34
14 Sabtu	5:44	5:54	7:08	1:19	4:28	7:24	8:33
15 Ahad	5:43	5:53	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33
16 Isnin	5:43	5:53	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33
17 Selasa	5:42	5:52	7:07	1:18	4:29	7:23	8:33
18 Rabu	5:42	5:52	7:07	1:18	4:30	7:23	8:33
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	5:43	5:53	7:09	1:17	4:27	7:22	8:31
13 Jumaat	5:43	5:53	7:08	1:17	4:27	7:21	8:31
14 Sabtu	5:42	5:52	7:08	1:17	4:28	7:21	8:31
15 Ahad	5:42	5:52	7:08	1:17	4:28	7:21	8:31
16 Isnin	5:42	5:52	7:07	1:16	4:28	7:21	8:31
17 Selasa	5:41	5:51	7:07	1:16	4:28	7:21	8:31
18 Rabu	5:41	5:51	7:07	1:16	4:29	7:21	8:31

**PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD**  
(1082296-U)

**KENYATAAN TENDER**

Bil.	No. Tender	Keterangan
1.	AIS/ITD/T1/4/2018	SUPPLY OF WINDOWS SERVER DATACENTER AND WINDOWS USER CLIENT ACCESS LICENSE (CAL) WITH SOFTWARE ASSURANCE (SA)
2.	AIS/ITD/T2/4/2018	SUBSCRIPTION OF MICROSOFT OFFICE 365
3.	AIS/PCW/T5/4/2018	SUPPLY, DELIVER, INSTALL, CONFIGURE, TEST, COMMISSION, SUPPORT, TRAINING AND PROVIDE WARRANTY FOR GIS-BASED SOLUTION AT OPERATION COMMAND CENTER (OCC) AND SUPPORT TO NRW OPERATIONS AT PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD
4.	AIS/PCW/T6/4/2018	CONSULTANCY SERVICES FOR 3D TERRESTRIAL LASER SCANNING (TLS) FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD - DEVELOPMENT OF COMPREHENSIVE MODULES AND UNDERTAKE 3D TLS WORKS AT SELECTED SITES
5.	AIS/NRW/T6/3/2018	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION OF ABB ELECTROMAGNETIC FLOW METERS AND INTERFACING WITH AMR SERVER
6.	AIS/OS/T3/4/2018	MAINTENANCE & SERVICING OF FIRE FIGHTING SYSTEM FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR WATER TREATMENT PLANTS AND PUMP HOUSES
7.	AIS/PCW/T4/4/2018	PACKAGE 1A - SUPPLY AND DELIVERY OF 56 UNITS SLUICE VALVES COMPLETE WITH ACTUATORS AND 17 UNITS AIR VALVE FOR SG SELANGOR PHASE 2 WTP, SG GOMBAK WTP AND SG SEMENYIH WTP
8.	AIS/PCW/T7/4/2018	PACKAGE 1B - SUPPLY AND DELIVERY OF 82 UNITS BUTTERFLY VALVES COMPLETE WITH ACTUATORS FOR SG SELANGOR PHASE 2 WTP, RANTAU PANJANG WTP, BUKIT NANAS WTP AND SG SEMENYIH WTP
9.	AIS/PCW/T8/4/2018	PACKAGE 1C - SUPPLY AND DELIVERY OF 11 UNITS CHECK VALVES FOR SG SELANGOR PHASE 2 WTP AND SG SEMENYIH WTP
10.	AIS/OS/T15/4/2018	SUPPLY AND DELIVERY OF PRINTED MATTERS FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD FOR TWO (2) YEARS

**NOTIS PRA-KELAYAKAN**

No.	Keterangan
1.	TAWARAN PRA-KELAYAKAN SEBAGAI KONTRAKTOR PANEL BAGI KERJA-KERJA MENGECAK RUMAH PAM DAN TANGKI AIR

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami



OLEH SABIRAH AZIZ

**PETALING JAYA** - Ibu bapa perlu memberi perhatian kepada tahap perkembangan awal anak supaya mereka mudah dirawat daripada peringkat awal.

Timbalan Dekan for Graduate Studies, Universiti Industri Selangor (UNISEL), Prof Madya Dr Gunasegaran Karuppanan berkata, keprihatinan ibu bapa memainkan peranan penting kerana bukan semua anak menunjukkan mereka mempunyai masalah.

"Ibu bapa tidak tahu jika anak ada masalah, sebab itu kita sediakan Program EIP bagi membantu mereka daripada peringkat

# Kenal pasti perkembangan anak bermula peringkat awal

awal.

"Justeru itu, anak ini perlu dibawa berjumpa pakar kanak-kanak yang betul bergantung kepada tahap masalah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel dalam ceramah dalam Inspirasi Bazaar di Paradigm Mall, pada 7 April lalu.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Sultan Ageng



**Datin Seri Shamshida bergambar bersama barisan panel Table Talk EIP, di Inspirasi Bazaar, Paradigm Mall**

Tirtayasa, Dr Joko Yuwono berkata, setiap negara perlu mempunyai kaedah untuk mengendali serta meningkatkan tahap pendidikan bagi kanak-kanak istimewa.

"Contohnya seperti mengubah cara pembelajaran melalui guru itu sendiri yang harus tahu bagaimana membentuknya.

"Oleh itu, mereka perlu memikirkan cara memberdayakan guru di sekolah khas atau sedia ada.

"Disebabkan itu, kanak-kanak istimewa ini perlu ditempatkan di sekolah khas berbeza persekitarannya," katanya.

Turut hadir dalam program itu adalah isteri Dato' Menteri Besar, Datin Seri Shamshida Tahirin.

## Kaum India terus disantuni



**Ganabatirau (tengah) bergambar kenangan bersama wakil kuil, NGO dan penerima bantuan yuran pengajian**

**KLANG** - Kerajaan Negeri berte-rusan menyantuni kaum India dengan pelbagai pemberian bantuan kewangan kepada kuil, badan bukan kerajaan (NGO) dan anak pekerja ladang, di negeri itu.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabatirau berkata, ia bertujuan membantu dan mengembalikan segala apa yang seharusnya menjadi hak rakyat.

"Saya mewakili Kerajaan Negeri menyerahkan bantuan berbentuk cek kepada 50 kuil di Selangor untuk pembangunan dan pembaikan fasiliti pusat ibadat berkenaan.

"Sebelum ini, Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, sudah serahkan bantuan kepada 111 kuil dengan peruntukan keseluruhan adalah RM1,184,000," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan pada Program Mesra Rakyat Majlis Penyerahan Cek bagi Kuil, NGO dan Yuran Pengajian kepada kaum Hindu negeri itu bertempat di Dewan Auditorium Majlis Perbandaran Klang, pada 7 April lalu.

Sementara itu, Ganabatirau turut menyerahkan bantuan kepada 36 anak pekerja ladang yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

"Bantuan ini sudah dimulakan sejak 2014 dan pada masa itu hanya lima anak pekerja ladang menerimanya diikuti 15 (2015), 35 (2016) serta 79 (2017).

"Malah, setiap penerima amat beruntung apabila Kerajaan Negeri yang prihatin ini menyerahkan RM5,000 kepada setiap seorang sebagai tanda penghargaan atas kejayaan mereka," katanya.

Ganabatirau berkata, Kerajaan Negeri turut menyantuni 40 NGO di negeri itu dengan bantuan RM89,000.

Katanya, ia adalah cara Kerajaan Negeri memberi penghormatan dan mengiktiraf NGO berkenaan secara telus.

"Segala bantuan ini bukan hanya diberikan sempena Pilihan Raya Umum, namun kerajaan di bawah pimpinan PAKATAN setiap tahun menyantuni rakyatnya," katanya.



### KERAJAAN NEGERI SELANGOR JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

#### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/S/13/2018 Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Utama Dan Sistem Parit Dalamana Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Bukit Lanchong Dan Kg. Sg. Baru, Puchong, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.	Bumiputera	Berdaftar Dengan CIDB  Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera PKK  Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 dan CE36	Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor.  <b>17hb April 2018</b> hingga <b>8hb Mei 2018</b>	<b>RM 700.00</b> , Pengaruh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Kiriman Wang/ Bank Deraf/ Wang Pos)	Peti Tender. Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor  <b>9hb Mei 2018 (Rabu)</b> Jam 12.00 tengah hari

Taklimat dan Lawatan Tapak Pada: **16hb April 2018 (Isnin)** Masa: **10.00 pagi**.  
Tempat Berkumpul: Foyer, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/S/14/2018 Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Utama Dan Sistem Parit Dalamana Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Seri Aman, Puchong, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.	Bumiputera	Berdaftar Dengan CIDB  Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera PKK  Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 dan CE36	Kaunter Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor.  <b>17hb April 2018</b> hingga <b>8hb Mei 2018</b>	<b>RM 680.00</b> , Pengaruh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (Kiriman Wang/ Bank Draf/Wang Pos)	Peti Tender. Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor  <b>10hb Mei 2018 (Khamis)</b> Jam 12.00 tengah hari
--	--	------------	--	---	---	--

Taklimat dan Lawatan Tapak Pada: **16hb April 2018 (Isnin)** Masa: **2.30 petang**  
Tempat Berkumpul: Foyer, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, hanya penama di Sijil Aduan Pendaftaran syarikat yang boleh menghadiri taklimat. **Syarikat TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN DAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Suku akhir pertama Piala FA

# PKNS FC benam Perak 2-1



OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - PKNS FC mengatasi cabaran Perak dan menang 2-1 dalam perlawanan suku akhir pertama Piala FA, di Stadium Shah Alam, pada 7 April lalu.

The Red Ants memperoleh gol menerusi Faris Ramli pada minit ke-25 dan Safee Sali (m87), manakala Wander Luiz menjaringkan gol penalti pada masa kecederaan babak kedua untuk pasukan pelawat.

Walaupun mendapat tentangan hebat The Bos Gaurus, namun pasukan kendalian Datuk K Rajagopal bijak mendominasi perlawanan dan mencipta peluang, di depan pintu gol lawan.

Gol pembukaan PKNS FC menerusi Faris diperoleh hasil kealpaan pertahanan Perak dan pemain import dari Singapura itu tidak melakukan kesilapan untuk meletak bola ke dalam jaring mengatasi penjaga gol,

Hafizul Hakim.

Skuad Mehmed Durakovic yang tersentak dengan jaringan itu berusaha bangkit dengan beberapa serangan balas ke pintu gol PKNS FC tetapi segalanya tidak menjadi.

Tuan rumah terus selesa pada babak kedua apabila Safee Sali menjaringkan gol kedua selepas mendapat hantaran Mahalli Jasuli.

Ketika perlawanan hampir ke penghujung, Perak mendapat peluang merapatkan jurang dengan sepakan penalti apabila pertahanan PKNS FC melakukan kekasaran ke atas Nasir Basharudin.

Wander Luiz menyempurnakannya dan menghampakan Mohd Shahril Shaari untuk menjadikan keputusan 2-1.

Kemenangan itu memberi kelebihan kepada PKNS FC untuk perlawanan suku akhir kedua di gelanggang lawan, pada 21 April ini.

## INPENS raih gangsa Pertandingan Silat Antarabangsa

**SHAH ALAM** - Kolej Antarabangsa Inpens (INPENS) berjaya meraih pingat gangsa dalam Pertandingan Silat Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kali ke-9.

Pertandingan berlangsung di Dewan Tuanku Canselor UPSI, Tanjung Malim, pada 20 hingga 25 Mac lalu.

INPENS dalam kenyataannya berkata, selain hanya fokus dalam bidang berkemahiran, institusi itu juga menggalakkan graduan aktif dalam bidang kokurikulum.

"Menjadi hasrat INPENS untuk turut melahirkan graduan seimbang dalam pencapaian akademik dan kokurikulum.

"Pingat gangsa itu diraih melalui Ai-



rish Azmar Abdul Rahman, daripada Sektor Teknologi Automotif," katanya.

Katanya, ia adalah pembabitan tahun kedua INPENS selepas penampilan sulung, pada tahun lalu.

Pada masa sama, INPENS turut menampilkan persaingan sengit apabila dua pesilat wanitanya berjaya ke suku akhir dan seorang lagi pesilat lelaki turut menjajakkan kaki ke peringkat suku akhir.

## Zulfahmi tekad lebih baik di Argentina

**SHAH ALAM** - Pelumba negara, Zulfahmi Khairuddin, tekad mencapai kedudukan lebih baik, pada pusingan kedua di Grand Prix Argentina, bagi mengatasi pencapaian di Qatar, pada Mac lalu.

Penunggang SIC Racing Team berusia 26 tahun yang menamatkan saingan di tangga ke-28 dalam perlumbaan Moto2 di Litar Losail, kini bersiap bersama pasukannya untuk cabaran, di Litar Termas de Rio Hondo.

"Selepas menghadapi tentangan sukar di Qatar, saya tidak sabar untuk ke Argentina dan membuat beberapa rancangan dengan pasukan bagi memperbaiki gaya tunggangan saya.

"Litar di Argentina hampir sama seperti di Qatar, diharapkan ini akan membantu saya memulakan cabaran dengan betul dan mengatasi kesukaran yang ada," katanya.

Bekas pelumba Moto3 yang kembali bersaing dalam perlumbaan musim ini berazam meningkatkan pencapaian dengan pasukan dan membuat persiapan lebih baik, berbanding perlumbaan pusingan pertama.

"Saya berharap dapat meningkatkan persembahan dan menjadi kompetitif ke-rana ia bukan perlumbaan mudah dan perlu bekerja keras untuk melakukan lebih baik tetapi saya akan terus berusaha," katanya.

### KENYATAAN TENDER

PKNS Real Estate Sdn Bhd mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menyertai panggilan tender seperti berikut:

TAJUK	SYARAT ASAS	TEMPAT DAN TARIKH LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH AMBIL DOKUMEN	TARIKH TUTUP & TEMPAT HANTAR DOKUMEN TENDER
<b>KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN DI KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM SELAMA DUA (2) TAHUN BERMULA 01 JUN 2018 SEHINGGA 31 MEI 2020 DI KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM, SELANGOR.</b>	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) seperti berikut:  <b>Kod Bidang:</b> 221001 - Pembersihan Bangunan dan Pejabat  2. Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	PKNS Real Estate Sdn. Bhd., Pejabat Pengurusan, 03-01 Tingkat 3, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-5513 3845  <b>Tarikh :</b> 19/04/2018 (KHAMIS)  <b>Masa :</b> 10.30 pagi  (Kehadiran adalah WAJIB)	PKNS Real Estate Sdn. Bhd., Pejabat Pengurusan, 03-01 Tingkat 3, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-5513 3845  <b>Tarikh :</b> 19/04/2018 (KHAMIS)  <b>Masa :</b> (Selepas taklimat tapak)  <b>Harga Tender:</b> RM212.00 (Termasuk 6% GST)	PKNS Real Estate Sdn Bhd (Ibu Pejabat), 3F-05, Tingkat 3, SACC Mall, Jalan Perbadanan 14/9, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel: 03-5520 4567  <b>Tarikh :</b> 03/05/2018 (KHAMIS)  <b>Masa :</b> SEBELUM 12.00 TENGAH HARI

Berikut adalah syarat tambahan tender:

- Syarikat mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun di dalam Kerja-Kerja Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Bangunan.
- Pengambilan dokumen tender perlu disertakan dengan **satu (1) salinan** dokumen seperti berikut:
  - Sijil Pendaftaran dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) yang masih aktif di bawah Kod Bidang 221001 - Pembersihan Bangunan dan Pejabat
  - Sijil Pendaftaran syarikat dengan SSM
  - Surat Pengesahan Pendaftaran GST (Jika berkaitan)
  - Surat perwakilan kuasa (Sekiranya pemilik syarikat tidak dapat hadir)
- Kehadiran lawatan tapak adalah **WAJIB** bagi setiap syarikat.
- Pembayaran bagi pembelian dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **WANG POS** atau **DRAF BANK** di atas nama **PKNS REAL ESTATE SDN BHD**.
- Tender hendaklah dihantar dalam sampul surat bermetri dan dituliskan tajuk projek disebelah kiri atas sampul surat berkenaan serta dialamatkan seperti di bawah **TIDAK LEWAT** daripada **JAM 12.00 TENGAH HARI** pada **tarikh tutup tender** yang telah dinyatakan di atas.
- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan dan keputusan syarikat adalah muktamad.
- Hanya syarikat yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga.
- Pihak PKNS Real Estate Sdn Bhd **tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah** ataupun lain-lain tawaran yang dikemukakan tanpa sebarang sebab.

Satu lagi projek oleh:

**PKNS Real Estate Sdn Bhd (983834-W)**  
 3F-05, Tingkat 3, SACC Mall, Jalan Perbadanan 14/9, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-5520 4567 Faks: 03-5518 1010

# SUKANE



Selepas 25 tahun penubuhan

## MPAJ lakar sejarah miliki stadium sendiri

OLEH NAZLI IBRAHIM

**AMPANG** - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menempa sejarah tersendiri apabila berjaya memiliki stadium mini, selepas 25 tahun penubuhannya.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, stadium mini itu di-biayai sepenuhnya melalui peruntukan MPAJ berjumlah RM23 juta.

"MPAJ adalah Pihak Berkuasa Tempatan terakhir di Selangor memiliki stadium sendiri, selepas 25 tahun penubuhan.

"Pembinaan stadium ini melengkapkan lagi keperluan tempat bersukan

atau beriadah untuk penduduk di kawasan pentadbiran MPAJ," katanya pada Majlis Perasmian Stadium MPAJ 2018 di Pandan Perdana, pada 8 April lalu.

Abd Hamid berkata, stadium itu jelas mendapat sambutan menggalakkan masyarakat setempat apabila awal-awal lagi sudah mendapat tempahan sewaan daripada pelbagai untuk acara sukan.

Katanya, stadium mini itu juga mampu menjadi landasan bagi masyarakat di situ mengukuhkan perpaduan melalui aktiviti sukan yang diadakan.

"Ini adalah komitmen MPAJ menjadikan Ampang Jaya sebagai satu kawasan yang harmoni dan selesa untuk didiami," katanya.

### Pembukaan Stadium MPAJ meriah



Mohamed Azmin menanam pokok bunga tanjung iaitu bunga rasmi MPAJ

**AMPANG** - Acara perasmian Stadium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang disempurnakan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berlangsung meriah, pada 8 April lalu.

Majlis yang dihadiri lebih 6,000 orang itu membabitkan pelbagai aktiviti bermula sejak jam 7.30 pagi seperti kayuhan santai MPAJ, jalan kaki 10,000 langkah, persembahan Didi and Friends dan Jom Zumba.

Majlis Perasmian itu kemudiannya diserikan lagi dengan persembahan *Marching Band* dan *Flash Mob* silat.

Majlis itu kemudiannya dihangatkan lagi dengan penampilan artis undangan iaitu pelawak terkenal, Ropie Cecupak dan penyanyi wanita yang meningkat naik, Nabila Razali.



**IKTISASS**  
INISIATIF KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN IKHTISAS SMART SELANGOR

Program Perantisan Kemahiran Belia


PELUANG LATIHAN DAN KERJAYA

**HARI TERBUKA SHRDC-IKTISASS**

**UNTUK LEPASAN SPM, DIPLOMA ATAU IJAZAH**

Aktiviti:-

1. Taklimat Teknikal
  - Robotik - Lego Mindstorms (Untuk Lulusan SPM/tingkatan 5)
  - Graduan dan Revolusi Industri 4.0: Hala Tuju Kemahiran Tinggi Negara (Untuk Lulusan Ijazah/Diploma)
2. Temuduga bersama Industri



Jemput Hadir Semua!

**Tarikh : 14 April 2018 (Sabtu)**  
**Masa : 9.30am - 1.00pm**  
**Tempat : SHRDC, SEKSYEN 13, SHAH ALAM.**

**Pendaftaran :**  
<https://bit.ly/2DxUXP2>  
atau email kepada [recruitment@shrdc.org.my](mailto:recruitment@shrdc.org.my)



Selangor Human Resource Development Centre  
No 1, Ground Floor, Block 2, Pusat Perniagaan Worldwide (Worldwide Business Park),  
Jalan Tinju 13/50, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
tel. +603 5513 3560 fax. +603 5513 3490 email. [info@shrdc.org.my](mailto:info@shrdc.org.my) [www.shrdc.org.my](http://www.shrdc.org.my)



Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd., Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, 40200 Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5519 6373 Faks : 03-5512 7985